KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## KHAMIS, 9 NOVEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



9/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **'GOBARAKAH' TINGKAT KECEKAPAN DALAM BANTUAN SOSIAL, KURANGKAN PEMBAZIRAN & KETIDAKSETARAAN** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/gobarakah-tingkat-kecekapan-dalam-bantuan-sosial-kurangkan-pembaziran-ketidaksetaraan | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **1,108 MANGSA BANJIR DI TIGA NEGERI, SELANGOR TERUK TERJEJAS** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/1108-mangsa-banjir-di-tiga-negeri-selangor-teruk-terjejas/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1028189/1108-mangsa-banjir-di-tiga-negeri-masih-di-pps | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bencana-banjir-tiga-negeri-terjejas-selangor-perak-pahang-x8pfyvh | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **BANJIR: 1,199 ORANG BERLINDUNG DI 14 PPS DUA NEGERI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1028358/banjir-1199-orang-berlindung-di-14-pps-dua-negeri | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **JUMLAH MANGSA BANJIR DI SELANGOR, PERAK MENINGKAT** | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/685946 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jumlah-mangsa-banjir-di-selangor-perak-semakin-meningkat-445286 | ASTROAWANI.COM |

9/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **BILIK GERAKAN INFO BENCANA PANTAU BANJIR DI TIGA NEGERI** | |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/11/08/bilik-gerakan-info-bencana-pantau-banjir-di-tiga-negeri/ | HARAKAHDAILY.NET |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **NUMBER OF EVACUEES IN SELANGOR, PERAK INCREASE AS AT 8.30PM TONIGHT** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/11/976392/number-evacuees-selangor-perak-increase-830pm-tonight | NST.COM.MY |
| | https://selangorkini.my/2023/11/seramai-1250-mangsa-banjir-selangor-perak-berlindung-di-pusat-pemindahan/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **BANJIR SELANGOR: 544 MANGSA DITEMPATKAN DI ENAM PPS DI SEPANG** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1174733/banjir-selangor-544-mangsa-ditempatkan-di-enam-pps-di-sepang | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **TINGGAL ANAK KESEORANGAN DEMI SESUAP NASI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/08/tinggal-anak-keseorangan-demi-sesuap-nasi/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **30 PENDUDUK DIHANTUI BANJIR TERMENUNG** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/08/30-penduduk-dihantui-banjir-termenung/ | KOSMO.COM.MY |

9/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **BENCANA BANJIR: MANGSA MENINGKAT KEPADA 1,139, 3 NEGERI MASIH TERJEJAS** | |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bencana-banjir-mangsa-meningkat-kepada-1139-3-negeri-masih-terjejas-x8pg3r7 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **MORE RURAL WOMEN STEPPING FORWARD: HEALTH SCREENING BY SABAH NATIONAL POPULATION AND FAMILY DEVELOPMENT BOARD** | |
| | https://www.dailyexpress.com.my/interest/2033/more-rural-women-stepping-forward-health-screening-by-sabah-national-population-and-family-development-board/ | DAILYEXPRESS.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **SOROTAN VIDEO SAMBUTAN NOVEMBER BULAN KELUARGA KEBANGSAAN 2023** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=MAF5lb_AOMs | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **SOCIAL BEHAVIOUR COMMUNICATION CRUCIAL INITIATIVE FOR FAMILY PLANNING** | |
| | https://www.sinardaily.my/article/212523/malaysia/national/social-behaviour-communication-crucial-initiative-for-family-planning | SINARDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **70 PESERTA WANITA SERTAI KURSUS PENGUCAPAN AWAM ANJURAN AWS** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/08/70-peserta-wanita-sertai-kursus-pengucapan-awam-anjuran-aws | UTUSANBORNEO.COM.MY |

9/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **PERAK REKOD 385 KES KEGANASAN RUMAH TANGGA SEPANJANG 10 BULAN PERTAMA TAHUN INI** | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2242854 | BERNAMA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **YBR SUMBANG RM100,000 BANTU PELAJAR B40 UKM** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/ybr-sumbang-rm100000-bantu-pelajar-b40-ukm/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **'SELAMAT PAGI CIKGU' RUTIN DIUCAP TUJUH ANAK PENAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/11/1174539/selamat-pagi-cikgu-rutin-diucap-tujuh-anak-penan | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **MANGSA BANJIR DENGKIL TERIMA RM95,355 BANTUAN AGIHAN RAHMAH** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/mangsa-banjir-dengkil-terima-rm95355-bantuan-agihan-rahmah/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **JERIT, BUNYIKAN HON, INSPEKTOR SHEILA DIDAKWA TIMBULKAN KEGUSARAN AWAM** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jerit-bunyikan-hon-inspektor-sheila-didakwa-timbulkan-kegusaran-awam-445159 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/470833 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |

9/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **BEKAS PEMANDU BAS PUTUS TANGAN SEBAK TERIMA TANGAN PALSU** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/08/bekas-pemandu-bas-putus-tangan-sebak-terima-tangan-palsu/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **TADIKA SEDIDIK - A “PRECIOUS GIFT” FOR SARAWAK’S PENAN** | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2242598 | BERNAMA.COM |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/tadika-sedidik-a-precious-gift-for-sarawaks-penan/ | NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **WOMEN, CARE ECONOMY: SELANGOR MODEL FOR OTHER STATES, SAY GROUPS** | |
| | https://selangorjournal.my/2023/11/women-care-economy-selangor-model-for-other-states-say-groups/ | SELANGORJOURNAL.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **LESS THAN HALF OF MARRIED WOMEN IN WORKFORCE, STUDY SAYS** | |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/223136/less-than-half-of-married-women-in-workforce-study-says/ | DAILYEXPRESS.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **TIGA TERMASUK WARGA EMAS TERSELAMAT KEJADIAN TANAH RUNTUH** | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/685797 | MALAYSIAKINI.COM |

9/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **'ABANG BOMBA' NEKAD BELAJAR BAHASA ISYARAT SELEPAS SELAMATKAN OKU DALAM KEBAKARAN** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/abang-bomba-nekad-belajar-bahasa-isyarat-selepas-selamatkan-oku-dalam-kebakaran-445162 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/633552/edisi/perak/nekad-belajar-bahasa-isyarat-selepas-selamatkan-oku-dalam-kebakaran | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **WANITA CURI BAR EMAS HAMPIR RM30,000 KENA TAHAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1028245/wanita-curi-bar-emas-hampir-rm30000-kena-tahan | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-larikan-bar-emas-100-gram-445197 | ASTROAWANI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/11/08/wanita-dibuang-kerja-larikan-jongkong-emas-rm29000/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2023/11/seminggu-diburu-wanita-larikan-jongkong-emas-diberkas/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/633590/berita/semasa/wanita-larikan-jongkong-emas-bernilai-rm29000 | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 27 | **PENJARA 654 TAHUN MENANTI BAPA DURJANA ROGOL, CABUL 3 ANAK** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1028340/penjara-654-tahun-menanti-bapa-durjana-rogol-cabul-3-anak | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1174708/penjara-654-tahun-menanti-bapa-rogol-cabul-3-anak-kandung | BHARIAN.COM.MY |

9/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 28 | **SERAMAI 6,600 WANITA JALANI UJIAN AWAL KANSER PAYUDARA** | |
| | https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/11/1174492/seramai-6600-wanita-jalani-ujian-awal-kanser-payudara | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 29 | **TIGA WANITA SELAMAT, ASID TERTUMPAH DI MAKMAL SEKOLAH** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/633605/berita/semasa/tiga-wanita-selamat-asid-tertumpah-di-makmal-sekolah | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 30 | **REMAN WANITA BUNUH RAKAN KONGSI DISAMBUNG SEMINGGU** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/reman-wanita-bunuh-rakan-kongsi-disambung-seminggu-445191 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.buletintv3.my/jenayah/reman-peniaga-wanita-kes-tikam-mati-warga-emas-disambung/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/633618/berita/semasa/reman-wanita-bunuh-rakan-kongsi-disambung-seminggu | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1028278/kes-tikam-mati-15-kali-reman-peniaga-wanita-disambung-lagi | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2242689 | BERNAMA.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=Vf202unMAsw | YOUTUBE |

9/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 31 | **RAMAI WANITA BELUM CARUM SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/08/ramai-wanita-belum-carum-skim-keselamatan-sosial-suri-rumah/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/masih-ramai-wanita-belum-carum-skim-keselamatan-sosial-suri-rumah/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 32 | **JURULATIH CABUL KANAK-KANAK: POLIS TERIMA SATU LAGI LAPORAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/633612/berita/semasa/jurulatih-cabul-kanak-kanak-polis-terima-satu-lagi-laporan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jurulatih-cabul-kanakkanak-polis-terima-satu-lagi-laporan-445241 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 33 | **KANAK-KANAK TERSEPIT 20 MINIT DI CELAH TANGGA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1028226/kanak-kanak-tersepit-20-minit-di-celah-tangga | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/633564/berita/semasa/kanak-kanak-terpaksa-tahan-sakit-tersepit-celah-tangga | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 34 | **'HARAP KANAK-KANAK TAK TAKUT TENGOK SAYA LAGI'** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/633587/edisi/kelantan/harap-kanak-kanak-tak-takut-tengok-saya-lagi | SINARHARIAN.COM.MY |

9/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 35 | **VIDEO TULAR TIADA KAITAN KES CULIK KANAK-KANAK** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/video-tular-tiada-kaitan-kes-culik-kanak-kanak/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/08/video-tular-tiada-kaitan-kes-culik-kanak-kanak-di-sepang/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 36 | **PERCAYA KONONNYA MENANG LOTERI, WARGA EMAS HILANG WANG SIMPANAN RM120,000** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1174666/percaya-kononnya-menang-loteri-warga-emas-hilang-wang-simpanan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/08/warga-emas-rugi-rm120000-ditipu-menang-loteri/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/633637/berita/semasa/warga-emas-hilang-simpanan-rm120000-kerana-penipuan-tiket-loteri | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/08/warga-emas-tertipu-tiket-loteri-palsu-kerugian-rm120000 | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://tvstv.my/2023/11/08/dijanjikan-wang-kemenangan-loteri-rm300000-warga-emas-lebur-rm120000/ | TVSTV.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/warga-emas-hilang-simpanan-rm120-000-kerana-penipuan-tiket-loteri | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://suarasarawak.my/warga-emas-rugi-rm120000-terpedaya-tipu-muslihat-tiket-loteri/ | SUARASARAWAK.MY |

9/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 37 | **KANAK-KANAK BERUSIA 11 TAHUN ANTARA YANG DITANGKAP DISYAKI TERLIBAT KES CURI DI KAPIT** | |
| | https://dayakdaily.com/kanak-kanak-berusia-11-tahun-antara-yang-ditangkap-disyaki-terlibat-kes-curi-di-kapit/ | DAYAKDAILY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 38 | **TAK MAMPU BAYAR PENGASUH, ANAK JAGA DIRI SENDIRI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/08/tak-mampu-bayar-pengasuh-anak-jaga-diri-sendiri/ | KOSMO.COM.MY |

TAJUK : BOMOH SANTAU MENGAKU TAK SALAH ROGOL REMAJA

HARI : KHAMIS | AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 09 NOV 2023 | M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF | SEKTOR : KPWKM

# Bomoh santau mengaku tak salah rogol remaja




*Zemi dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen, Muar selepas mengaku tidak bersalah merogol dan cabul remaja.* (Foto Alias Abd Rani/BH)

**Muar:** Seorang bomoh bakal berdepan hukuman penjara 80 tahun serta sebatan selepas didakwa di Mahkamah Sesyen semalam atas pertuduhan merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja sehingga hamil sejak tahun lalu dan Julai tahun ini.

Tertuduh, Zemi Rahim, 50, yang juga jurulatih Muay Thai bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik semua pertuduhan dibaca berasingan di hadapan Hakim Irwan Suainbon.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, dia didakwa melakukan amang seksual serta merogol mangsa yang ketika itu berusia 14 tahun ketika mendapatkan rawatan membuang santau, dalam tandas sebuah rumah di Pagoh, dekat sini, November 2022.

Berikutan itu, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 34 akta sama serta Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan.

Hukuman bagi kedua-dua seksyen ini adalah penjara hingga 20 tahun dan juga sebatan untuk setiap pertuduhan dikenakan terhadapnya.

Bagi pertuduhan ketiga dan keempat, dia didakwa sekali lagi didakwa merogol mangsa pada April lalu dengan kejadian terakhir dilaporkan berlaku pada Julai lalu. Semua kejadian berlaku di tempat sama.

Berdasarkan fakta kes, mangsa bersama ahli keluarga mahu mendapatkan rawatan kerana didakwa terkena santau.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Muhkliz Azman Aziz dilaporkan berkata, ketika sedang menjalani rawatan, tertuduh mengambil kesempatan melakukan perbuatan itu terhadap mangsa dalam tandas rumahnya.

"Mangsa mengetahui dirogol selepas mendengar sesi ceramah jenayah seksual di sekolah pada September lalu, sebelum membuat laporan kejadian pada 27 Oktober lalu," katanya.

Tertuduh sebelum ini berhadapan empat pertuduhan amang seksual seorang remaja berusia 16 tahun, namun tidak mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, Melaka, bulan lalu.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan mengemukakan dua cadangan, sama ada tertuduh tidak dibenarkan ikat jamin atau ikat jamin RM7,500 bagi setiap pertuduhan.

Mahkamah kemudian tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan menetapkan 12 Disember ini untuk sebutan semula kes, laporan kimia dan perubatan serta lantikan peguam.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DANA KECEMASAN BANTU TAMPUNG KOS LUAR JANGKA | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT : | 23 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |


# Dana kecemasan bantu tampung kos luar jangka

## Pakar literasi kewangan syor nilai tabungan selesa bersamaan 3-6 bulan gaji

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ramai rakyat negara ini, terutama yang tiada tabungan kecemasan akan berdepan kehidupan sukar sekiranya diuji kehilangan pekerjaan, dugaan kesihatan atau kenderaan rosak secara luar jangka.

Ia kerana gaji diterimanya tidak selari kenaikan kos sara hidup, komitmen pelbagai bil, selain masih ramai tidak memahami konsep 'simpanan asas' antara sebab mengapa seseorang itu tidak berupaya menyediakan tabungan kecemasan.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Mohamad Fazli Sabri, berkata meskipun kebanyakan pakar literasi kewangan mengesyorkan nilai tabungan selesa bersamaan tiga hingga enam bulan gaji, realitinya masih ramai tiada dana kecemasan walaupun bernilai empat angka.

"Meskipun kemampuan tabungan satu perkara subjektif, mahu atau tidak, setiap individu perlu mewujudkan dana kecemasan boleh cair atau digunakan pada bila-bila masa tanpa mengeluarkan simpanan jangka panjang.

"Biarlah simpanan itu bermula dengan RM30 atau RM50 sebulan sekalipun, sekurang-kurangnya setahun ia berhasil mengumpulkan RM360 atau RM600 berbanding tiada langsung usaha menabung.

"Tabungan kecemasan ini juga akan membantu kita menampung kos luar jangka seperti kerosakan kenderaan, terputus wang belanja, yang mana dana digunakan boleh diganti semula," katanya.

Sebelum ini, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Rasheed Ghaffour, mendedahkan hampir separuh rakyat negara ini sukar menyediakan RM1,000 dana kecemasan kerana lemah dalam pengurusan kewangan dan kurang endah dalam menguruskan risiko kewangan termasuk menghadapi situasi tidak dijangka.

Beliau berkata, daripada Kaji Selidik Rangkuman dan Keupayaan Kewangan yang diadakan setiap tiga tahun, sejak 2015 juga mendapati satu daripada tiga rakyat negara ini tidak berminat mengambil tahu mengenai insurans dan takaful.

### Didik kepentingan menabung

Dr Mohamad Fazli berkata, meskipun situasi kewangan setiap orang berbeza, penting masyarakat mengaplikasikan peraturan umum (general rule of thumb) dengan memiliki sekurang-kurangnya tiga hingga enam bulan perbelanjaan secara tunai dalam tabung kecemasan.

Mengambil contoh, perbelanjaan bulanan seseorang RM2,000 sebulan, katanya, seseorang itu wajar mempunyai simpanan tiga bulan (RM6,000) atau enam bulan (RM12,000) dalam tabung kecemasan.

"Belanja makan, sewa, kenderaan serta keperluan asas tetap perlu dilunaskan walaupun kita kehilangan pekerjaan.

"Tabungan kecemasan itu membantu meneruskan kelangsungan hidup atau sebelum mendapat pekerjaan baharu.

"Seterusnya usaha menaikkan tabungan kecemasan dengan mengekalkan perbelanjaan semasa seperti sebelum kenaikan gaji dengan lebihan pendapatan itu disalurkan dalam tabung kecemasan," katanya.

Beliau berkata, pandemik COVID-19 melanda dua tahun lalu memperlihatkan ramai hilang pekerjaan dan sumber pendapatan dan seharusnya keadaan itu membuatkan masyarakat bersedia tabungan secukupnya.

"Kita perlu mendidik kepentingan menabung walaupun angka itu bermula sangat kecil kerana itu nilai selesa bagi penyimpan berbanding mereka langsung tiada tabungan.

"Selain itu, orang ramai perlu mencari peluang menggandakan pendapatan, seperti melakukan kerja sampingan yang mendapatkan pulangan kepadanya, mewujudkan tabung dalam talian bagi mengelakkannya berbelanja menggunakan simpanan," katanya.

> "Meskipun kemampuan tabungan satu perkara subjektif, mahu atau tidak, setiap individu perlu mewujudkan dana kecemasan boleh cair atau digunakan pada bila-bila masa tanpa mengeluarkan simpanan jangka panjang"



***Mohamad Fazli Sabri,*** *Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GADAI GELANG EMAS BIAYAI KOS RAWATAN SUAMI | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 23 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Gadai gelang emas biayai kos rawatan suami

**Gua Musang:** Hidup seorang wanita bersama empat anak di Projek Perumahan Rakyat (PPR), di sini berubah sekelip mata, termasuk terpaksa menggadaikan gelang emas apabila suami yang menjadi tonggak keluarga disahkan menghidap kanser rektum sejak Ogos lalu.

Justeru, Wan Normarlisa Sahila Wan Azmi, 40, yang bekerja sebagai pembantu tadbir kini terpaksa memikul tanggungjawab menjadi ketua keluarga apabila suami, Nor Zamzuri Ibrahim, 44, sudah tidak bekerja kerana penyakit kanser rektum tahap tiga.

Wan Normarlisa berkata, sejak suaminya sakit, mereka terpaksa berulang-alik dari rumah di Gua Musang ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II ) di Kota Bharu untuk menerima rawatan.

"Untuk menampung kos rawatan dan pengangkutan ke HRPZ II yang jaraknya lebih 300 kilometer (km), saya terpaksa menjual gelang emas.

"Adakalanya suami terpaksa tinggal 10 hari di hospital untuk menerima rawatan dan saya terpaksa bercuti menjaga suami di hospital.

"Suami kini sudah memakai beg stoma kerana masalah penyakitnya dan dia tidak mampu menguruskan dirinya sendiri.

"Setiap dua minggu sekali dia perlu ke HRPZ II untuk membuat kemoterapi dan saya sendiri yang akan memandu kenderaan untuk membawa dia ke sana," katanya yang mempunyai empat anak berusia antara lima hingga 16 tahun.

## Perlu RM200 beli beg stoma

Wan Normarlisa berkata, setiap bulan dia juga perlu membelanjakan lebih RM200 untuk membeli beg stoma yang perlu ditukar dua hari sekali.

"Kini menjadi tanggungjawab saya kerana suami hanya bekerja kontrak sebagai pemandu pacuan empat roda dan gaji dibayar mengikut hari dan terputus sumber pendapatan jika tidak bekerja.

"Kini hanya mengharapkan gaji saya. Memang terasa berat, saya cuba bertahan dan yakin setiap takdir ada hikmahnya.

"Ketika membawa suami untuk rawatan, saya ambil cuti dan anak masih bersekolah diletakkan di bawah jagaan keluarga terdekat. Saya juga perlu menyediakan duit untuk perbelanjaan mereka ke sekolah," katanya.

Kerana keadaan suami hanya boleh dirawat di HRPZ II, dia mengambil keputusan bertukar tempat kerja dan berpindah ke Kota Bharu.

"Anak juga akan ditukar sekolah di Kota Bharu, lebih dekat dan mudah menguruskan suami dan mengelakkan mereka tak keciciran dalam pelajaran.

"Saya masih menunggu surat daripada Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian untuk rawatan radioterapi untuk tempoh 25 hari" katanya.

Bagi Yang di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Gua Musang (SkoGuM), Mohd Azmawi Fikri Abdul Ghani, pihaknya memberi sumbangan awal sebanyak RM500 untuk meringankan beban keluarga itu.

"Sumbangan akan terus diusahakan. Saya harapkan keluarga ini terus tabah dan bersabar, selain tetap mengutamakan pendidikan anak," katanya.



*Mohd Azmawi Fikri menyampaikan sumbangan kepada Wan Normarlisa Sahila di Sekolah Kebangsaan Gua Musang.* (Foto Paya Linda Yahya/BH)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INSPEKTOR SHEILA KENA DAKWA LAGI KES MUDARAT ORANG AWAM | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Shiela Sharon hadir di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur, semalam.*
(Foto Fathil Asri/BH)

# Inspektor Sheila kena dakwa lagi kes mudarat orang awam

**Kuala Lumpur:** Inspektor Sheila atau nama sebenarnya Sheila Sharon Steven Kumar semalam didakwa pula di Mahkamah Majistret atas tuduhan menyebabkan kegusaran kepada orang awam.

Sheila, 35, selaku Orang Kena Saman (OKS), yang berpakaian sut hitam, hanya menjawab, 'saya tidak mengaku bersalah', selepas tuduhan dibacakan di hadapan Majistret Illi Marisqa Khalizan.

Dia didakwa melakukan mudarat awam dengan memarahi dan membunyikan hon kereta dengan panjang atau lama serta menjerit di tempat kejadian sehingga mendatangkan kegusaran awam kepada Nuraihan Nadzifah Ibrahim, 27.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di tempat letak kereta Aras B1, di sebuah pusat beli-belah dalam daerah Brickfields di sini pada jam 5.26 petang, 16 Jun lalu, mengikut Seksyen 268 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 260 kanun sama.

Jika sabit kesalahan, Sheila yang diwakili peguam M Manoharan, boleh dihukum denda hingga RM400.

Illi Marisqa kemudian membenarkan Sheila dijamin oleh seorang penjamin RM500 dan menetapkan tarikh serahan dokumen pada 18 Disember ini.

Dalam prosiding itu, pihak pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Zuhairi Osman menawarkan jaminan RM1,000, bagaimanapun Manoharan merayu supaya anak guamnya dilepaskan dengan bon tanpa wang ikat jamin dan akan mengaku janji untuk hadir ke mahkamah pada setiap kali prosiding.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAHKAMAH KEKAL HUKUMAN LELAKI ROGOL ANAK TIRI 105 KALI | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Mahkamah kekal hukuman lelaki rogol anak tiri 105 kali

## Panel tiga hakim sebulat suara tolak rayuan 42 tahun penjara, 24 sebatan

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@bh.com.my

**Putrajaya:** "Bapa jenis apa yang merogol anak 105 kali, satu kali pun kita tidak boleh maafkan, ini pula (lebih) 100 kali.

Demikian tegas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Hadhariah Syed Ismail, ketika prosiding rayuan akhir seorang bapa tiri durjana yang dipenjara 42 tahun dan dikenakan 24 sebatan kerana merogol anak tirinya sebanyak 105 kali, dalam tempoh dua tahun.

Mahkamah Rayuan semalam mengekalkan hukuman penjara 42 tahun dan 24 sebatan yang disabitkan Mahkamah Tinggi Klang terhadap lelaki itu yang berusia 36 tahun.

Pada 27 Januari 2021, Mahkamah Sesyen Klang menjatuhkan hukuman penjara 1,050 tahun yang juga antara rekod hukuman penjara tertinggi bagi kesalahan merogol terhadap perayu.

Keputusan sebulat suara itu dibuat panel tiga hakim yang diketuai Datuk Hadhariah selepas menolak rayuan akhir perayu untuk mengurangkan hukuman berkenaan.

Dua lagi hakim yang turut bersidang ialah Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim dan Hakim Datuk Azmi Ariffin.

"Ini adalah keputusan sebulat suara, rayuan perayu (kurangkan hukuman) ditolak. Hukuman 42 tahun dan 24 sebatan (yang dijatuhkan Mahkamah Tinggi) dikekalkan," kata Hakim Hadhariah.

Hadhariah berkata, dalam kes terdahulu membabitkan bapa atau datuk yang merogol kanak-kanak berusia 10 tahun, mahkamah memberikan hukuman maksimum 36 tahun kepada pesalah seksual itu.

"Mereka yang merogol anak sendiri tidak pernah takut dengan undang-undang, selepas kita letak dipenjara mereka kata sudah jadi orang baik," katanya.

Terdahulu, peguam K A Ramu yang mewakili perayu memohon mahkamah mempertimbangkan rayuan perayu untuk mengurangkan hukuman kerana selepas menjalani hukuman di Penjara Kajang banyak memberi pengajaran dan perayu ingin kembali semula kepada masyarakat.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya, Dhiya Syazwani Izyan Mohd Akhir selaku responden memohon mahkamah mengekalkan hukuman 42 tahun penjara dan 24 sebatan itu.

"Mangsa dirogol sejak 2018 dan pada 2020 baru ada keberanian untuk melarikan diri. Mak mangsa pergi kerja, perayu melakukan perbuatan terkutuk itu.

"Hukuman 42 tahun penjara adalah sangat wajar dan dia mempunyai masa untuk bertaubat dalam penjara kerana 'he is sick'," katanya.

### Hukuman beri beri pengajaran

Dhiya Syazwani berkata, dengan hukuman itu akan memberi amaran kepada bapa dan bapa tiri di luar sana yang mahu mengambil kesempatan terhadap anak sendiri.

Mengikut pertuduhan, perayu didakwa atas 105 pertuduhan merogol anak tirinya di sebuah rumah di Sungai Way, Petaling Jaya, Selangor sejak 5 Januari 2018 hingga 24 Februari 2020 mengikut Seksyen 376B Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun serta sebat.

Mahkamah Sesyen Klang menjatuhkan hukuman penjara selama 1,050 tahun dan 24 sebatan terhadap perayu.

Hakim Datin M Kunasundary menjatuhkan hukuman itu selepas perayu yang ketika itu tertuduh mengaku bersalah terhadap 105 pertuduhan yang didakwa ke atasnya.

Kemudian pada Mac tahun lalu, Mahkamah Tinggi Klang mengetepikan hukuman penjara 1,050 tahun yang dijatuhkan terhadap perayu dengan mengurangkan hukuman kepada 42 tahun, tetapi mengekalkan hukuman 24 sebatan yang dijatuhkan Mahkamah Sesyen.

Hakim Datuk Azmi Abdullah membuat keputusan itu selepas membenarkan rayuan lelaki itu terhadap hukuman penjara itu dan mengurangkan hukuman.

Dalam penghakimannya, beliau berkata hukuman yang dijatuhkan Hakim Mahkamah Sesyen adalah bersifat suatu mengikut perasaan dan jelas terlampau berlebihan serta ia adalah suatu crushing sentence.

Bagaimanapun, Hakim Mahkamah Tinggi berkata, mahkamah tidak boleh memandang sepi terhadap apa yang dialami oleh mangsa yang baru berusia 12 tahun ketika kejadian jenayah bermula.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'DEDIKASI BUAT 7 ANAK DIDIKKU' | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Dedikasi buat 7 anak didikku'

***Guru muda tekad salur bakti demi pendidikan awal di Tadika SeDidik Penan di Long Jenalong***

Bernama

**Baram**

Jarum jam menunjukkan hampir 7:45 pagi dan Atika Fazila sudah berdiri di luar Tadika SeDidik Penan, menunggu kedatangan anak muridnya sebelum kelas bermula jaml 8 pagi dan berakhir sekitar jam 11 pagi.

Daripada Isnin hingga Jumaat, itu rutinnya setiap pagi bagi memastikan semua tujuh anak muridnya disambut dengan senyuman.

Perasaan gembira terpancar di wajah guru berusia 23 tahun ini apabila seorang demi seorang anak didik lengkap berpakaian seragam warna jingga dan putih, berusia antara empat hingga enam tahun, muncul di hadapan pintu tadika.

Tadika SeDidik Penan ini beroperasi di bangunan rumah batu setingkat di kawasan penempatan masyarakat Penan, Long Jenalong, kira-kira 200 kilometer dari Miri.

"Selamat pagi cikgu," seorang demi seorang murid ceria menyapa, ada yang memeluk Atika sebelum masing-masing mengambil tempat duduk, jelas menggambarkan jalinan mesra antara murid dan guru.

Suasana kelas sebelum ini sepi, berlatarkan bunyi kicauan unggas, bertukar riuh sejurus sebelum Atika meminta semua murid berdiri untuk sama-sama menyanyikan lagu kebangsaan, Negaraku.

"Begini rutin kami setiap hari, dipenuhi dengan pelbagai aktiviti pembelajaran yang dapat memberi keseronokan kepada anak-anak ini," kongsi Atika yang juga berketurunan suku kaum Penan, dilahir dan dibesarkan di kampung Long Jenalong.

Riuh-rendah suara kanak-kanak ini memenuhi ruang kelas ketika bermain alat mewarna untuk melukis apa sahaja yang disukai, menyanyi lagu rakyat kanak-kanak seperti Bangun Pagi, Rumah Kecil Saya, mencipta produk dengan barangan terpakai dan bermain permainan congkak.

Sepanjang empat jam berada di dalam kelas, tiada seorang merengek untuk balik awal mahupun menangis kerana ketiadaan ibu ayah menemani di luar tadika.

"Selain dipenuhi pelbagai aktiviti, dinding tadika ini juga dihiasi hasil kerja anak ini bagi membangkitkan keseronokan mereka belajar," tambahnya.

Mungkin suasana ini situasi biasa bagi mereka yang berada dalam penempatan yang ada kemudahan pendidikan awal, namun tidak bagi kawasan pedalaman Miri yang menjadi penempatan masyarakat Penan ini.

Pendidikan awal adalah asas penting dalam perkembangan serta pembangunan kanak-kanak, namun hakikatnya begitu asing dalam kehidupan masyarakat di Long Jenalong yang mempunyai 154 penduduk.

Ini kerana, sebelum ini, kanak-kanak di kawasan pedalaman itu tidak mendapat pendidikan awal di tadika memandangkan perkampungan mereka tidak mempunyai kemudahan terbabit dan hanya mengenal erti 3M (membaca, menulis dan mengira) bermula tahun satu.

Paling dekat tadika dengan perkampungan mereka di Long Bedian yang menempatkan sekolah rendah dengan perjalanan mengambil masa 30 minit berikutan jalan balak selain tiada pengangkutan.

Biarpun begitu, keadaan mula berubah sejak tahun 2020 menerusi inisiatif digerakkan Petroliam Nasional Berhad (Petronas) bersama Jawatankuasa Kerja Bersama Sarawak (Petronas-Sarawak JWC) dengan pembinaan Tadika SeDidik melalui Program Pendidikan Komuniti (Penan).

Menurut Atika, pembukaan tadika itu membawa perubahan besar buat anak-anak di kawasan pedalaman untuk mendapat pendedahan awal 3M.

Dia yang tidak berpeluang menerima pendidikan pra-sekolah memahami kepentingan pendidikan awal dan memilih kerjaya sebagai guru tadika di kampung kelahirannya kerana ingin memajukan anak bangsanya bermula daripada peringkat awal lagi.

"Keluarga tidak dapat hantar saya ke tadika di Long Bedian kerana masalah kewangan, pengangkutan dan hanya mengenali 3M apabila berumur tujuh tahun semasa di Tahun Satu dan terpaksa tinggal di asrama dalam usia yang terlalu muda.

"Pembelajaran susah kerana tidak dapat pendidikan awal dan bahasa Melayu bukan percakapan harian. Kerana pengalaman itu, saya nekad jadi guru tadika untuk mengajar anak-anak Penan supaya mereka mempunyai asas pendidikan sebelum ke sekolah rendah kerana tahu sukarnya apabila tiada persediaan," katanya.



KANAK-kanak bersama guru mereka di Tadika SeDidik Penan di kawasan penempatan masyarakat Penan di Long Jenalong.


KANAK-KANAK di Tadika SeDidik Penan didedahkan dengan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan.



PENDIDIKAN awal asas penting dalam perkembangan serta pembangunan kanak-kanak namun hakikatnya begitu asing dalam kehidupan masyarakat di Long Jenalong yang mempunyai 154 penduduk.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 1,199 MANGSA BAH DI 14 PPS | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 23 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



SUKARELAWAN Team Selangor membantu penduduk membersihkan kawasan rumah di Kampung Bangi Tambahan, Bangi Lama yang dinaiki air banjir Ahad lalu berikutan limpahan air Sungai Semenyih. - Gambar NSTP/AZHAR RAMLI

SUSULAN BANJIR

# 1,199 mangsa bah di 14 PPS

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur**

Jumlah mangsa banjir ditempatkan di 14 pusat pemindahan sementara (PPS) seluruh negara terus meningkat kepada 1,199 orang membabitkan 323 keluarga pada petang semalam berbanding 1,108 daripada 298 keluarga direkodkan pagi.

Hanya PPS di Selangor dan Perak saja masih dibuka setakat petang semalam apabila PPS di Pahang ditutup sepenuhnya selepas 15 mangsa daripada enam keluarga di negeri itu dibenarkan pulang.

Setakat jam 3 petang semalam, portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan, jumlah mangsa ditempatkan di 10 PPS Selangor meningkat kepada 789 membabitkan 200 keluarga berbanding 776 daripada 197 keluarga pada pagi semalam.

Mereka yang masih berlindung di PPS terbabit membabitkan 288 kanak-kanak, 36 bayi, 29 warga emas, tujuh orang kurang upaya (OKU) manakala selebihnya individu dewasa.

Selain itu, empat pusat masih dibuka di Perak menempatkan 410 mangsa dari 123 keluarga sekali gus meningkat berbanding 325 (96 keluarga) direkodkan pada pagi semalam.

Mereka yang masih berlindung di pusat terbabit ialah 146 kanak-kanak, empat bayi, 14 warga emas serta enam OKU dengan selebihnya individu dewasa.

**» INFO**

*Empat pusat yang masih dibuka di Perak menempatkan 410 mangsa daripada 123 keluarga.*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BURUH MENGAKU HANYA 27 TUDUHAN SAJA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




TERTUDUH tiba di Mahkamah Sesyen, semalam.

**34 PERTUDUHAN ROGOL, CABUL TIGA ANAK**

# Buruh mengaku hanya 27 tuduhan saja

**Muar:** Seorang buruh ladang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 34 pertuduhan rogol dan cabul tiga anaknya sejak 2012 sehingga bulan lalu hingga menyebabkan seorang daripada mereka kini hamil tujuh bulan.

Bagaimanapun, tertuduh berusia 41 tahun itu hanya mengaku bersalah atas 27 pertuduhan sebaik kesemua pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Irwan Suainbon.

Baki tujuh lagi pertuduhan dia mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan.

Tertuduh dihadapkan dengan 20 pertuduhan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan dan Seksyen 16 (1) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 iaitu merogol dua anak kandungnya yang kini berusia 17 dan 18 tahun.

Selain itu, dia turut didakwa dengan 10 pertuduhan mengikut Seksyen 14 (b) yang dibaca bersama Seksyen 16 (1) akta sama dan satu tuduhan bagi Seksyen 14 (a) manakala baki tiga lagi pertuduhan, mengikut Seksyen 377D kanun sama.

Tujuh daripadanya yang tertuduh mengaku tidak bersalah ialah lima bagi Seksyen 376 (3) manakala masing-masing satu pertuduhan mengikut Seksyen 14 (a) dan Seksyen 377D.

Mengikut kertas pertuduhan, dia didakwa merogol dua anaknya sejak mereka berusia sembilan dan 10 tahun di enam lokasi berasingan dalam daerah ini.

Kejadian rogol dan cabul membabitkan anak keduanya yang kini hamil tujuh bulan mula berlaku pada 2012 ketika mangsa berusia lapan tahun dan ia berlarutan sehingga Jun tahun ini.

Anak sulungnya pula dirogol dan dicabul ketika mangsa berusia 10 tahun sejak 2015 dan kali terakhir pada 15 Disember 2022.

Seorang lagi anaknya yang kini berusia 12 tahun pula dicabul ketika berusia enam tahun dengan kejadian terakhir berlaku pada Oktober lalu.

Bagi kesalahan mengikut Seksyen 376 (3) dia boleh dihukum penjara sehingga 30 tahun serta 10 sebatan bagi setiap pertuduhan dan juga tambahan hukuman bagi Seksyen 16 akta sama, penjara lima tahun dan juga dua sebatan.

Seksyen 14 (a) dan 14 (b) pula, tertuduh boleh penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan serta tambahan hukuman Seksyen 16 (1), penjara lima tahun serta dua sebatan sementara Seksyen 377D penjara sehingga dua tahun.

Berdasarkan pengakuan bersalah tertuduh bagi 27 pertuduhan itu, dia boleh dikenakan penjara maksimum 654 tahun dan sebatan 150 kali.

Menurut fakta kes, kejadian itu terbongkar apabila ibu saudaranya mendapati perubahan fizikal terhadap anak kedua tertuduh sebelum menjalani ujian pemeriksaan dan mendapati dia sedang hamil.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, tertuduh ditahan pada 28 Oktober lalu dan juga didapati positif dadah.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah memutuskan tiada tawaran ikat jamin diberikan pada tertuduh dan menetapkan 16 November ini untuk penyediaan fakta kes, menjatuhkan hukuman serta sebutan semula kes tertuduh yang tidak mengaku salah.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DIDAKWA MENJERIT BUNYIKAN HON KERETA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Didakwa menjerit, bunyikan hon kereta

## *Inspektor Sheila kena tuduh mendatangkan kegusaran awam*

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur**

'Inspektor Sheila' yang tular di media sosial didakwa lagi di Mahkamah Majistret di sini, semalam, atas satu pertuduhan mendatangkan kegusaran awam di sebuah pusat beli-belah dengan menjerit dan membunyikan hon kereta, lima bulan lalu.



SHEILA

Inspektor Sheila atau nama sebenarnya Sheila Sharon Steven Kumar, 35, selaku orang kena saman (OKS), mengaku tidak bersalah atas pertuduhan yang dibaca di hadapan Majistret Illi Marisqa Khalizan.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa melakukan mudarat awam dengan memarahi, membunyikan hon kereta dengan panjang atau lama serta menjerit di tempat kejadian sehingga mendatangkan kegusaran am terhadap seorang wanita berusia 29 tahun.

Kesalahan didakwa dilakukan di tempat letak kereta, sebuah pusat beli-belah di Brickfields di sini, jam 5.26 petang, 16 Jun lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 268 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum bawah Seksyen 290 kanun sama, yang membawa hukuman denda sehingga RM400, jika sabit kesalahan.

Dalam prosiding semalam, Timbalan Pendakwa Raya Zuhairi Osman mencadangkan OKS diikat jamin RM1,000 dengan seorang penjamin.

Bagaimanapun, peguam, M Manoharan yang mewakili Sheila, merayu supaya anak guamnya dilepaskan dengan bon tanpa ikat jamin dan akan membuat aku janji untuk hadir ke mahkamah pada setiap tarikh prosiding kes yang ditetapkan.

> **"Pertuduhan terhadap Sheila adalah tidak berasas dan sangat memalukan**
> Manoharan

"Pertuduhan terhadap Sheila adalah tidak berasas dan sangat memalukan, sedangkan dia sudah berkhidmat sebagai pegawai polis selama sembilan tahun malah dia tidak pernah melakukan sebarang kesalahan," katanya.

Selepas mendengar permohonan kedua-dua pihak, Illi Marisqa membenarkan OKS diikat jamin RM500 dengan seorang penjamin dan menetapkan 18 Disember ini, untuk serahan dokumen.

Untuk rekod, Sheila mempunyai tiga pertuduhan kes jenayah di Mahkamah Majistret Selayang, yang perbicaraan kes itu ditetapkan bermula 5 hingga 7 Februari tahun depan.

Pada 26 Jun lalu, Sheila didakwa mengugut seorang wanita berusia 69 tahun dengan niat untuk mendatangkan kegentaran kepada mangsa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara dua tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Dia juga didakwa menghina kesopanan seorang lelaki berusia 41 tahun dengan berkata, 'You tengok badan you, gemuk, botak dan badak sumbu' dan menyebut pangkat dengan cara tidak wajar kepada Lans Koperal Abdul Arif Farhan Abdul Razak dengan maksud mengaibkan kehormatannya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI 'JELMAAN' IBLIS! | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

ROGOL ANAK TIRI 105 KALI

# Lelaki 'jelmaan' iblis!

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

**Putrajaya**

"Bapa jenis apa yang merogol anak 105 kali, satu kali pun kita tidak boleh maafkan, ini pula (lebih) 100 kali," tegas Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Hadhariah Syed Ismail ketika prosiding rayuan akhir seorang bapa tiri yang dipenjara 42 tahun dan dikenakan 24 sebatan kerana merogol anak perempuan tirinya sebanyak 105 kali, dalam tempoh dua tahun.

Mahkamah Rayuan pada semalam mengekalkan hukuman penjara selaam 42 tahun dan 24 sebatan yang disabitkan Mahkamah Tinggi Klang terhadap lelaki yang berusia 36 tahun itu.

Pada 27 Januari 2021, Mahkamah Sesyen Klang menjatuhkan hukuman penjara selama 1,050 tahun yang juga antara rekod hukuman penjara tertinggi bagi kesalahan merogol terhadap perayu.

Keputusan sebulat suara itu dibuat panel tiga hakim yang diketuai Datuk Hadhariah selepas menolak rayuan akhir perayu untuk mengurangkan hukuman berkenaan.

Dua lagi hakim yang turut bersidang ialah Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim dan Hakim Datuk Azmi Ariffin.

"Ini adalah keputusan sebulat suara, rayuan perayu (kurangkan hukuman) ditolak. Hukuman 42 tahun dan 24 sebatan (yang dijatuhkan Mahkamah Tinggi) dikekalkan," kata Hakim Hadhariah.

Hadhariah berkata, dalam kes terdahulu membabitkan bapa atau datuk yang merogol kanak-kanak berusia 10 tahun, mahkamah memberikan hukuman maksimum 36 tahun kepada pesalah seksual itu.

"Mereka yang merogol anak sendiri tidak pernah takut dengan undang-undang, selepas kita letak dipenjara mereka kata sudah jadi orang baik," katanya.

Terdahulu, peguam K A Ramu yang mewakili perayu memohon mahkamah mempertimbangkan rayuan perayu untuk mengurangkan hukuman kerana selepas menjalani hukuman di Penjara Kajang banyak memberi pengajaran dan perayu ingin kembali semula ke dalam masyarakat.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Dhiya Syazwani Izyan Mohd Akhir selaku responden memohon mahkamah mengekalkan hukuman 42 tahun penjara dan 24 sebatan itu.

"Mangsa dirogol sejak 2018 dan pada 2020 baru ada keberanian untuk melarikan diri. Mak mangsa pergi kerja, perayu melakukan perbuatan terkutuk itu.

"Hukuman 42 tahun penjara adalah sangat wajar, dan dia mempunyai masa untuk bertaubat dalam penjara kerana *he is sick*," katanya.

Dhiya Syazwani berkata, dengan hukuman itu akan memberi amaran kepada bapa dan bapa tiri di luar sana yang mahu mengambil kesempatan terhadap anak sendiri.

Mengikut pertuduhan, perayu didakwa atas 105 pertuduhan merogol anak tirinya di sebuah rumah di Sungai Way, Petaling Jaya, Selangor sejak 5 Januari 2018 hingga 24 Februari 2020 mengikut Seksyen 376B Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun serta sebat.

Mahkamah Sesyen Klang menjatuhkan hukuman penjara selama 1,050 tahun dan 24 sebatan terhadap perayu.

Hakim Datin M Kunasundary menjatuhkan hukuman itu selepas perayu yang ketika itu tertuduh mengaku bersalah terhadap 105 pertuduhan yang didakwa ke atasnya.

Pada Mac tahun lalu, Mahkamah Tinggi Klang mengetepikan hukuman penjara 1,050 tahun yang dijatuhkan terhadap perayu dengan mengurangkan hukuman kepada 42 tahun tetapi mengekalkan hukuman 24 sebatan dijatuhkan Mahkamah Sesyen.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMANDU OKU BERSEMANGAT BAHARU DENGAN TANGAN PALSU | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




**SIVAKUMAR (kiri) memakaikan tangan palsu kepada Mohd Amiruddin yang kehilangan tangan kanan berikutan nahas jalan raya pada Program Bertemu Pelanggan Kementerian Sumber Manusia Peringkat Negeri Kelantan 2023 di Mydin Mall, Tunjong.**

# Pemandu OKU bersemangat baharu dengan tangan palsu

Kota Bharu: Impian seorang pemandu bas yang kehilangan tangan kanan sejak lebih enam bulan lalu akibat kecelakaan jalan raya tercapai apabila dia akhirnya menerima tangan palsu.

Pemandu bas terbabit, Mohd Amiruddin Azhar, 27, bersyukur apabila impiannya memiliki tangan palsu tertunai.

Katanya, dia kehilangan tangan kanan dari paras siku ke bawah selepas terbabit kemalangan jalan raya membabitkan bas dipandu dan lori pada 15 April lalu.

"Ketika itu saya memandu bas dari Kota Bharu menuju ke Jerteh, Terengganu dengan membawa enam penumpang sebelum terbabit kemalangan di Kampung Aman, Pasir Puteh.

"Akibat kemalangan itu, tangan kanan saya putus. Saya dirawat di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) selama empat hari sebelum dibenarkan keluar," katanya selepas menerima tangan palsu itu disampaikan Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar pada Program Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Sumber Manusia peringkat Kelantan, di sini, semalam.

Mohd Amiruddin yang juga anak kedua daripada tiga beradik bersyukur kerana majikannya amat prihatin dan mengambil berat walaupun dia baru sahaja bekerja sebagai pemandu bas selama setahun.

"Saya dapat rawatan fisioterapi di HRPZ II. Selepas pulih sepenuhnya, majikan saya tawarkan kerja di pejabat.

"Saya memulakan kehidupan baru dan kembali bekerja selepas ini. Alhamdulillah saya dapat menyesuaikan diri apabila boleh memandu kereta dan menunggang motosikal yang diubah suai," katanya.

Menurutnya, walaupun hilang sebelah tangan untuk bekerja, namun dia tidak akan berputus asa.

"Semangat saya kembali pulih hasil sokongan orang di sekeliling terutama adik beradik, saudara mara, dan rakan. Walaupun ada orang melihat saya pelik, namun saya jadikan itu sebagai dorongan untuk bangkit," katanya.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENGAMAL PERUBATAN DITUDUH NODA REMAJA | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Pengamal perubatan dituduh noda remaja

**Muar:** Seorang pengamal perubatan berdepan hukuman penjara 80 tahun serta sebatan selepas didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas empat pertuduhan merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja hingga hamil sejak tahun lalu dan Julai tahun ini.

Tertuduh, Zemi Rahim, 50, yang juga jurulatih Muay Thai bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Irwan Suainbon.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, dia didakwa melakukan amang sesual serta merogol mangsa yang ketika itu berusia 14 tahun ketika mendapatkan rawatan membuang santau, dalam tandas sebuah rumah di Pagoh, dekat sini, November 2022.

Berikutan itu, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 34 akta sama serta Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan.

Hukuman bagi kedua-dua seksyen ini adalah penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan untuk setiap pertuduhan dikenakan terhadapnya.



ZEMI dibawa keluar dari mahkamah selepas tidak mengaku bersalah atas tuduhan yang dikenakan terhadapnya, semalam. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

Bagi pertuduhan ketiga dan keempat, dia sekali lagi didakwa merogol mangsa pada April lalu dengan kejadian terakhir dilaporkan berlaku pada Julai lalu. Semua kejadian berlaku di tempat sama.

Berdasarkan fakta kes, mangsa bersama ahli keluarga mahu mendapatkan rawatan kerana didakwa terkena santau.

Ketua Polis Daerah Muar Asisten Komisioner Raiz Muhkliz Azman Aziz dilaporkan berkata, ketika sedang menjalani rawatan tertuduh kemudian mengambil kesempatan melakukan perbuatan itu terhadap mangsa dalam tandas rumahnya.

Mangsa mengetahui dirogol selepas mendengar sesi ceramah jenayah seksual di sekolah pada September lalu, sebelum membuat laporan kejadian pada 27 Oktober lalu.

Tertuduh sebelum ini berhadapan empat pertuduhan amang seksual seorang remaja berusia 16 tahun namun tidak mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, Melaka, bulan lalu.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan mengemukakan dua cadangan sama ada tertuduh tidak dibenarkan ikat jamin ataupun ikat jamin RM7,500 bagi setiap pertuduhan.

Mahkamah kemudian tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan menetapkan 12 Disember ini untuk sebutan semula kes, laporan kimia dan perubatan serta lantikan peguam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | REMAN SUSPEK WANITA DISAMBUNG, SUAMI DIBEBASKAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




REMAN peniaga wanita disambung tujuh hari lagi sehingga Rabu depan bagi membantu siasatan kes bunuh seorang wanita warga emas, 1 November lalu. - Gambar NSTP/ FAIZUL AZLAN RAZAK

BUNUH WARGA EMAS TEPI JALAN

# Reman suspek wanita disambung, suami dibebaskan

**Kuala Terengganu:** Tempoh reman seorang peniaga disambung tujuh hari lagi bagi membantu siasatan kes bunuh seorang wanita warga emas di tepi jalan besar berhampiran Pejabat Agama Hulu Terengganu, Kuala Berang, 1 November lalu.

Perintah reman terhadap suspek wanita berusia 35 tahun itu dikeluarkan Majistret Majistret Noor Mazrinie Mahmood bermula semalam.

Ia bagi membolehkan siasatan dilakukan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Bagaimanapun, suami suspek berusia 37 tahun yang bekerja sebagai mekanik dibebaskan dengan jaminan polis.

Sebelum ini, pasangan suami isteri itu direman tujuh hari bermula 2 November lalu, namun polis memohon lanjutan reman terhadap suspek wanita bagi membolehkan siasatan dijalankan selepas tempoh reman berakhir hari ini.

Media sebelum ini melaporkan seorang peniaga wanita ditemui mati dengan 15 kesan tikaman di bahagian badan di tepi jalan besar berhampiran Pejabat Agama Hulu Terengganu, Kuala Berang.

Mayat wanita berusia 65 tahun ditemui pengawal keselamatan di dalam longkang di kawasan berkenaan jam 4.35 pagi.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TAK KOMPROMI KES BULI PELAJAR | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tak kompromi kes buli pelajar

***KPM terbuka jika waris mahu berbincang, minta bersabar kerana siasatan polis sedang dijalankan***

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

**Georgetown**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menegaskan tidak akan berkompromi dengan pelajar yang terbabit dengan kes buli di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) di Perak September lalu.

Timbalan Menteri Pendidikan, Lim Hui Ying berkata, sehubungan itu pihaknya meminta waris pelajar yang menjadi mangsa buli berkenaan bersabar kerana siasatan sedang dijalankan.



> *KPM tidak akan berkompromi dengan dengan kes ini dan semua murid adalah sama, tanpa mengira latar belakang"*
>
> ***Hui Ying***

"Kita faham perasaan ibu bapa mangsa dan berharap mereka dapat bersabar sementara siasatan dijalankan. Kita juga bersikap terbuka jika keluarga mangsa mahu berjumpa dengan KPM bagi berbincang.

"KPM tidak akan berkompromi dengan dengan kes ini dan semua murid adalah sama, tanpa mengira latar belakang," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Anjung Ketipang Payung di Sekolah Kebangsaan (SK) Tan Sri P Ramlee, Jalan Timah di sini, semalam.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM98,854 daripada peruntukan Projek Mesra Rakyat (PMR) kepada sekolah berkenan bagi menaik taraf gelanggang murid keperluan khas, enam buah bilik PPKI serta perabot sekolah.

Mengulas lanjut Hui Ying berkata, status kes berkenaan masih dalam siasatan polis dan KPM sudah mengambil tindakan yang sepatutnya berdasarkan surat pekeliling baharu mengenai garis panduan bagi mengatasi kes buli di sekolah.

"Seperti yang disarankan Menteri Pendidikan (Fadhlina Sidek) tiga isu iaitu buli, gangguan seksual serta perkauman akan dihapuskan dari sekolah," katanya.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan polis menyiasat kejadian buli membabitkan pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 MCKK mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Kejadian berkenaan didedahkan ibu mangsa menerusi perkongsian di platform media sosial selepas anaknya yang berusia 16 tahun didakwa dibuli pelajar senior sehingga perlu menerima rawatan di hospital.

Bagaimanapun, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) MCKK meluahkan kekesalan terhadap tindakan menularkan kejadian buli membabitkan pelajar sekolah berkenaan.

Menerusi kenyataan di laman Facebook (FB) baru-baru ini, persatuan berkenaan berkata, tindakan menularkan kes terbabit di media sosial memberi impak besar serta membawa imej buruk kepada institusi sekolah itu secara keseluruhan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA PURA-PURA SEBAGAI PELANGGAN KEBAS BAR EMAS 999 BERNILAI RM30K | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




BAR emas yang dilarikan suspek ditemui di rumah keluarganya.

# Wanita pura-pura sebagai pelanggan kebas bar emas 999 bernilai RM30k

**Melaka:** Seorang wanita ditahan polis selepas dipercayai mencuri bar emas 999 bernilai hampir RM30,000, kelmarin.

Wanita berusia 25 tahun itu ditahan sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah di rumahnya di Taman Malim Jaya di sini, pada jam 6.45 petang.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, suspek sebelum itu ke kedai emas di Jalan Kee Ann pada jam 4.30 petang dan berpura-pura melihat emas dijual di premis terbabit.

Menurutnya, suspek yang ketika itu dilayan pengurus premis meminta lelaki itu mengeluarkan satu bar emas 999 untuk melihatnya.

"Pengurus terbabit mengeluarkan bar emas berharga RM29,000 dari almari dan serah kepada suspek.

"Suspek dikatakan melihat dan memegang bar emas itu selama tiga minit sebelum melarikan diri.

**Suspek melarikan diri dengan Nissan Livina dan ditahan pada hari sama**

"Pengurus itu cuba mengejarnya namun gagal dan apabila suspek melarikan diri dengan menaiki Nissan Livina bersama dua lagi individu," katanya.

Christopher berkata, siasatan membawa kepada penahanan suspek, petang kelmarin.

"Polis menemui bar emas itu di rumah keluarganya di Taman Seri Mangga jam 7.20 malam.

"Suspek mengaku terbabit kes kecurian bar emas itu namun siasatan diteruskan sama ada terdapat pembabitan individu lain," katanya.

Menurutnya, siasatan juga mendapati suspek baru berhenti kerja dari restoran selain difahamkan dia juga sebelum ini ada mengambil wang dari tempat kerjanya.

"Dia mendakwa mencuri bar emas itu untuk dijual bagi mendapatkan wang selain menampung kehidupannya.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ‘INSPECTOR SHEILA’ CLAIMS TRIAL TO CAUSING PUBLINC NUISANCE | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

IN THE DOCK AGAIN

# ‘Inspector Sheila’ claims trial to causing public nuisance

**KUALA LUMPUR:** Controversial policewoman Sheila Sharon Steven Kumar, better known as “Inspector Sheila”, was in the spotlight again as she faced a new criminal charge of causing public nuisance.

She pleaded not guilty to the charged read before before magistrate Illi Marisqa Khalizan yesterday.

The 35-year-old woman is accused of committing public nuisance by honking repeatedly and screaming at the scene, causing public distress to Nuraihan Nadzifah Ibrahim.

The offence allegedly took place near the parking lot at a mall in Brickfields here at 5.26pm on June 16.

Deputy public prosecutor Zuhairi Osman prosecuted while lawyer M. Manoharan appeared for the accused.

The court set RM500 bail with one surety.

On June 26, Sheila was charged with three counts of threatening and tarnishing the reputation of a lance corporal and two civilians.



*Sheila Sharon Steven Kumar*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BOMOH CLAIMS TRIAL TO RAPING TEEN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




*Zemi Rahim has been charged with the sexual abuse and rape of a teenager while she was receiving treatment.* PIC BY ALIAS ABD RANI

BAIL DENIED

# Bomoh claims trial to raping teen

**MUAR:** A practitioner of traditional medicine is facing a possible 80-year jail sentence and caning after being charged in the Sessions Court here yesterday with the rape and physical sexual abuse of a teenager.

The accused, Zemi Rahim, 50, who is also a Muay Thai trainer, however, pleaded not guilty to all the charges when they were read out separately by an interpreter before judge Irwan Suainbon.

According to the first and second charges, he committed sexual abuse and raped the victim, who was 14 years old at the time, while she was receiving treatment to "remove a spell" at a house in Pagoh, near here, in November last year.

He was charged with offences under Section 14(d) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which carries a punishment under Section 34 of the same act and Section 376 (1) of the Penal Code, which is imprisonment for up to 20 years and whipping for each charge.

For the third and fourth charges, he was once again accused of raping the victim in April and July, all at the same location.

Based on the facts of the case, the victim, along with her family, had sought spiritual treatment for the victim.

The victim became pregnant between last year and July this year.

Muar police chief Assistant Commissioner Raiz Muhkliz Azman Aziz had previously said the accused took the opportunity to commit the acts against the victim while she was undergoing treatment at his home.

"The victim found out she had been raped after attending a sexual crime awareness session at school in September, before reporting the incident on Oct 27," he had said.

The accused had previously faced four charges of sexual abuse against a 16-year-old teenager, but had pleaded not guilty in the Ayer Keroh Sessions Court, Melaka, last month.

Deputy public prosecutor Danial Munir conducted the prosecution, while the accused was not represented.

Earlier, the prosecution had asked for the accused not to be allowed bail or for bail to be set at RM7,500 for each charge.

The court later denied bail for the accused and fixed Dec 12 for re-mention of the case, the submission of chemical and medical reports, and the appointment of a lawyer.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JUDGE HITS OUT AT MAN WHO RAPED STEPDAUGHTER OVER 100 TIMES | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

42-YEAR JAIL TERM UPHELD

# Judge hits out at man who raped stepdaughter over 100 times

**PUTRAJAYA:** A tense atmosphere was felt in the Court of Appeal yesterday after a judge gave an earful to a 42-year-old man, who sought to appeal against his 42-year jail sentence for raping his stepdaughter.

A three-member bench of the appellate court led by Datuk Hadhariah Syed Ismail questioned what kind of father could commit such a heinous crime against his daughter more than 100 times over three years.

"What kind of father rapes his child 105 times? Not even once can we forgive this, let alone 100 times.

"Those who rape their own children are never afraid of the law even after being sent to prison," she said before dismissing the man's appeal.

On Jan 27, 2021, the Klang Sessions Court sentenced the man to 1,050 years in jail and 24 strokes of the rotan after he pleaded guilty to raping his 12-year-old stepdaughter 105 times over a period of two years.

Judge Datin M. Kunasundary ordered the accused to serve 10 years' jail and two strokes of the rotan for each rape charge, with the sentences to run consecutively from the date of his arrest, Jan 20 that year.

However, in March last year, the Klang High Court reduced the sentence to 42 years, but maintained the 24 strokes of rotan after allowing the man's appeal.

Judge Datuk Azmi Abdullah said the sentence imposed by the lower court was emotional and clearly excessive, constituting a "crushing sentence".

In yesterday's appeal, counsel K.A. Ramu said his client had gained valuable lessons and was eager to reintegrate into society.

However, deputy public prosecutor Dhiya Syazwani Izyan Mohd Akhir argued that the 42-year jail term was a reasonable sentence.

"The victim was raped since 2018 and it was not until 2020 that she found the courage to escape.

"While the victim's mother went to work, the man committed this heinous act. He has time to repent in prison because he is sick," she said.

The accused was charged with committing incest by raping his stepdaughter at a house in Sungai Way, Petaling Jaya between Jan 5, 2018 and Feb 24, 2020.

The offence under Section 376B of the Penal Code provides for a jail term of not less than 10 years and not exceeding 30 years, and whipping.

Based on the facts of the case, the victims' biological parents divorced in 2015 and the mother married the accused in November the following year.

During the rapes, only the victim and the accused were in the house and she had never told anyone as the accused had threatened and hit her.

The girl only revealed her ordeal after her mother took her and her younger sister to their aunt's house.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MINISTRY OPEN TO MEETING PARENTS | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

ALLEGED BULLYING AT MCKK

# MINISTRY OPEN TO MEETING PARENTS

No compromise in any bullying cases, says deputy education minister

AUDREY DERMAWAN AND AINUN JARIAH
**GEORGE TOWN**
news@nst.com.my

THE Education Ministry has finally broken its silence over the alleged bullying at Malay College Kuala Kangsar (MCKK).

A day after Minister Fadhlina Sidek declined comment when contacted by the New Straits Times, leaving activists baffled, her deputy has offered to meet the parents of the alleged victims.

Lim Hui Ying said the ministry understands the feelings of the parents of the victims.

"If they want to meet with us, we are open to it. I want to stress that the matter is now under police investigation.

"We, at the ministry, will not take any sides. For us, everyone's the same," she said.

She was met after the launch of Anjung Ketipang Payung SK Tan Sri P. Ramlee in George Town.

Lim said the ministry would not compromise in any bullying cases.

"We don't want any bullying cases.

"We have taken the necessary actions. There is a new circular to prevent bullying, sexual harassment and racial issues in schools."

Yesterday, police said they had submitted investigation papers on the case involving Form Five students who were said to have bullied their juniors at MCKK to the deputy public prosecutor.

It was learnt that three Form Four students were being bullied by four seniors at the elite school.

In Kuala Lumpur, the MCKK Parent-Teacher Association (PTA) yesterday lodged a police report against the social media users responsible for posting about the case.

A member, who requested anonymity, filed the report on behalf of the PTA.

According to the PTA member, the police report was filed as a response to the threats and intimidation received by the parents, guardians and MCKK teachers as well as students.

"With this police report, we hope that the public will cease making harmful posts, derogatory comments, false accusations and threats against MCKK students, parents, and teachers," he told reporters at the Travers police station.

Hasshahari Johari Mawi, the PTA's legal representative, said he and his team had been directed to take legal action in response to the messages that have been widely circulated.

He asserted that these messages contained defamatory content and misinformation.

"While these issues were previously resolved at the school level, they have been circulating more widely in recent times, leading to the PTA's actions today (yesterday).

"Consequently, we have received instructions to pursue legal action, including obtaining restraining orders for several posts uploaded on social media.

"We have identified certain individuals or users who used various names on social media, and we will proceed with the available legal actions," he said.

Hasshahari said they managed to identify three social media users whom they claimed were the original sources for making the case viral.

"For the posts and messages that have been made, three different individuals or users have been identified, each using different user names, both on Instagram and Facebook.


*Hasshahari Johari Mawi*

"These are the two names known as the sources of the news and facts that have become an issue now. These are the original sources."

Asked if the three individuals would be the ones who would be at the receiving end of the legal action, Hasshahari said it was "highly likely".

Meanwhile, the PTA members, including its chairman, steadfastly refused to comment on whether one of the students involved in the bullying case was the child of the PTA's chairman.

They also refused to comment on the inclusion of the names of the alleged bullying victim's family members in the MCKK's PTA statement on Facebook.

"I have no comment on that. Basically, the names were already viral before that," said another PTA member.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FATHER CHARGED WITH COMMITTING RAPRE, SEXUAL ASSAULT AGAINST THREE DAUGHTERS SINCE 2012 | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Father charged with committing rape, sexual assault against three daughters since 2012

**MUAR:** A farm worker was brought before the Sessions Court here yesterday on 34 charges of committing extreme obscenity, sexual abuse and raping his three children aged 12, 17 and 18, over the past 11 years.

According to the charge sheet, the 41-year-old accused faces 20 counts of rape, 11 counts of sexual assault, and three counts of gross indecency.

However, the accused only pleaded guilty to two counts of gross indecency, 15 counts of rape, and 10 counts of sexual assault.

The offences were believed to have been committed against the three victims in six different locations around Muar from 2012 until October this year.

The rape charges were made under Section 376(3) of the Penal Code which provides for a maximum jail sentence of 30 years and 10 lashes.

The sexual assault charges were framed under Section 14(b) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 which provides for a jail term of up to 20 years and whipping.

For extreme obscenity, the accused was charged under Section 337D of the Penal Code Act which carries a maximum prison sentence of two years.

Judge Irwan Suaibon did not allow bail and set Nov 16 for mention and sentencing. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN FINED RM4,000 FOR SMASHING EX-GIRLFRIEND'S CAR WINDOW | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Man fined RM4,000 for smashing ex-girlfriend's car window

**KUCHING:** The Magistrates' Court here yesterday fined a man RM4,000 in default six months in prison for smashing the car window of his ex-girlfriend after their break-up.

Magistrate Syarifah Fatimah Azura Wan Ali meted out the sentence against Austin Morris, 30, from Siburan, after he pleaded guilty to a charge framed under Section 427 of the Penal Code.

The Section carries a jail term of up to five years, or a fine, or both upon conviction.

Austin committed the offence at a traffic light intersection near Friendship Park, Jalan Song around 12.30pm on Oct 30, 2023.

Based on the facts of the case, the 29-year-old victim was in her car at the said traffic light intersection when Austin approached and smashed her car window with a hammer.

Austin also attempted to pull his ex-girlfriend's hair and take the car key but failed.

The victim sustained slight injuries on her right hand from the shards of glass.

Following the attack, she lodged a police report which led to Austin's arrest on Nov 3, 2023.

The investigation found that the victim and Austin had known each other for 12 years but had broken up.

Although they were no longer in a relationship, Austin could not accept the fact and often harassed his ex-girlfriend.

On the day of the incident, the victim noticed Austin had been following and trying to stop her car along Jalan Song from near CityONE Megamall until the traffic light intersection near Friendship Park.

As the victim refused to meet with Austin, he reacted by smashing her car window when she had to stop for a red light.

Austin was under the influence of alcohol at the time of the incident.

Insp Ammarsofi Yusoff prosecuted the case, while Austin was unrepresented by legal counsel.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN LOSES RM120K AFTER ACCEPTING OFFER TO CLAIM LOTTERY PRIZE MONEY | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Man loses RM120k after accepting offer to claim lottery prize money

Conny Banji

**SIBU:** A man in his 70s from Kanowit lost RM120,000 to three strangers who promised him a reward if he helped the trio claim the lottery prize money they had won.

Sarawak Police Commissioner Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri said the victim was approached by the three suspects at a parking lot near a hotel in Kanowit on Nov 7.

"The suspects, two women and one man, claimed that they had won a lottery ticket worth RM300,000.

"A female suspect then asked for the victim's bank account number to deposit the prize money.

"The victim was promised that he would be given RM200,000 but was told to first hand over RM120,000, to which the victim agreed and accepted the offer," he said in a statement.



Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri

Mohd Azman said the suspects then took the victim to Sibu by car to claim the prize money.

They went to a number forecast outlet where the male suspect purportedly checked the winning ticket before they took the victim to two banks to withdraw RM119,000 from his savings accounts, he said.

"The victim handed over RM120,000 cash to one of the female suspects and was later sent back to Kanowit.

"The victim realised he was cheated after a few days when checking his account and found out no such amount of money was deposited into his account, thus prompting him to lodge a police report," he added.

The case is being investigated under Section 420 of the Penal Code.

Mohd Azman advised members of the public to always be careful and not to fall easily to dubious offers from unknown individuals.

"Do not be greedy and fall for such an offer of unverified prize money. People should realise that nothing can be gained freely without hard effort.

"Inform your family members, friends or bank officers if you are unsure before withdrawing money at the bank.

"Do not hand over your money easily to unknown persons," he said.

He also advised cybercrime victims to contact the National Scam Response Centre (NSRC) at 997.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN'S 42-YEAR JAIL FOR RAPING STEPDAUGHTER 105 TIMES IN THREE YEARS UPHELD | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Man's 42-year jail for raping stepdaughter 105 times in three years upheld

**PUTRAJAYA:** The Court of Appeal here yesterday upheld the 42-year jail sentence imposed by the High Court on an unemployed man who raped his underage stepdaughter 105 times over three years.

The 36-year-old man was also ordered to be given 24 strokes of the rotan.

This followed a decision by a three-man bench of the Court of Appeal comprising Justices Datuk Hadhariah Syed Ismail, Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim and Datuk Azmi Ariffin, which dismissed the man's appeal against the jail sentence.

In delivering the court's unanimous decision, Justice Hadhariah said the High Court's decision in sentencing the man to 42 years in jail and 24 strokes of the cane is upheld.

"What kind of a father to rape his own daughter or stepdaughter, (even) one time we cannot forgive, what more 105 times," said Justice Hadhariah during the appeal proceedings.

Earlier lawyer K.A. Ramu representing the man told the court that his client would be in prison until he is 63 years old, and urged for the jail term to be lowered to 30 years.

He also told the court that his client was remorseful and wanted to return to society.

Deputy public prosecutor Dhiya Syazwani Izyan Mohd Tahir, who described the appellant as "a sick man", said the 42-year imprisonment is appropriate.

She said the appellant committed the offences when the girl's mother was at work.

On Jan 27, 2021, the Klang Sessions Court sentenced the man to 1,050 years in jail after he pleaded guilty to 105 charges of raping the girl at a house in Sungai Way, Petaling Jaya Selangor. The girl was 12 years old in 2018. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLICE ARREST WOMAN WHO STOLE GOLD BAR FROM JEWELLERY SHOP | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Police arrest woman who stole gold bar from jewellery shop

**MELAKA:** The police have arrested a woman who stole a gold bar from a jeweller's here on Oct 30 after asking to examine the item on the pretext of buying it.

Melaka Tengah police chief ACP Christopher Patit said the 25-year-old woman came to the shop at about 4.30pm and asked the manager to show her a 100g gold bar valued at RM29,000 that was in a showcase.

"The 45-year-old manager obliged, but after about three minutes the woman fled with the gold bar, and the manager failed in his attempt to catch her," he said in a statement.

He added the woman entered a car in which there were two other people, and the car sped off.

Following a police report lodged by the manager, police arrested the woman at a house in Taman Malim Jaya at 6.45pm Tuesday.

"The gold bar was recovered in a raid on another house in Taman Seri Mangga at 7.20pm the same day," said Christopher, adding that the suspect, who is unemployed, had committed thefts previously. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INSP SHEILA PLEADS NOT GUILTY TO CAUSING PUBLIC NUISANCE | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Insp Sheila pleads not guilty to causing public nuisance

By ARFA YUNUS
arfayunus@thestar.com.my



**Court date:** Sheila arriving at the Jalan Duta court complex yesterday. — RAJA FAISAL HISHAN/The Star

**KUALA LUMPUR:** Controversial policewoman Sheila Sharon Steven Kumar better known as Insp Sheila who went viral on social media in June, has been charged with causing public nuisance.

Sheila, 35, pleaded not guilty yesterday before Magistrate Illi Marisqa Khalizan.

Illi Marisqa fixed bail at RM500 with one surety and set the next hearing for Dec 18.

Deputy Public Prosecutor Zuhairi Osman had earlier asked bail to be set at RM1,000.

According to the charge sheet, Sheila had caused public harm by being angry, pressing a car horn for a long time and yelling to the point of causing public nuisance on June 16 this year at 5.26pm at a parking lot of a shopping mall in Brickfields.

"Therefore, you have committed an offence under Section 268 of the Penal Code and can be punished under Section 290 of the same code. If convicted, you can be punished with a fine of up to RM400," the charge sheet read.

Earlier in the court, lawyer M. Manoharan, who is representing Sheila, said the decision to charge his client under Section 268 was unreasonable and claimed it was an attempt to intimidate her.

He said the decision to charge someone simply for honking would set a bad precedent and cause fear among the public, adding that the charge against Sheila under Section 268 was the "first in the country's history".

"This sort of charges will cause fear among Malaysians because anyone can be charged simply for pressing the horn.

"This is a groundless charge because I've never heard a single Malaysian being charged under this section. This is the first in history.

"Why is this happening? It's like the prosecution has nothing better to do.

"It's very embarrassing to appear for such a charge before this court. It will only waste the court's time and cost.

"I hope she will be released without any condition and her father who is present here will act as guarantor and ensure her attendance at every proceeding," Manoharan told the court.

Previously, Sheila faced three charges of threatening and tarnishing the reputation of a lance corporal and two civilians before two judges, Magistrate Chai Guan Hock and Magistrate Nor Hafizah Rajuni.

Before Chai, Sheila was accused of threatening a woman with the intention to intimidate the victim under Section 506 of the Penal Code.

It carries a maximum punishment of two years' imprisonment, or a fine, or both, upon conviction.

Sheila was also accused of insulting the modesty of a man under Section 509 of the Penal Code, which carries a maximum penalty of five years' imprisonment, or a fine, or both, upon conviction.

Before Nor Hafizah, Sheila was charged with using improper language towards L/Kpl Abdul Arif Farhan Abdul Razak, with the intention to defame his honour.

All these offences were alleged to have happened at a restaurant in Selayang between noon and 1pm on June 15.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN CHARGED WITH RAPING DAUGHTERS FOR PAST 11 YEARS | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Man charged with raping daughters for past 11 years

**MUAR:** A farm worker was brought before the Sessions Court here on 34 charges of committing extreme obscenity, sexual abuse and raping his three children aged 12, 17 and 18, over the past 11 years.

According to the charge sheet, the 41-year-old accused faces 20 counts of rape, 11 counts of sexual assault and three counts of gross indecency.

However, Bernama reported the accused only pleaded guilty yesterday to two counts of gross indecency, 15 counts of rape and 10 counts of sexual assault.

The offences were believed to have been committed against the three victims in six different locations around Muar, from 2012 until October this year.

The rape charges were made under Section 376 (3) of the Penal Code, which provides for a maximum jail sentence of 30 years and 10 lashes.

Judge Irwan Suaibon did not allow bail and set Nov 16 for mention and sentencing.

TAJUK : NO REPRIEVE FOR MONSTER DAD

HARI : KHAMIS AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 09 NOV 2023 M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF SEKTOR : KPWKM

# No reprieve for monster dad

## 42-year jail term stays for man who raped stepdaughter 105 times

**PUTRAJAYA:** An unemployed man who raped his 12-year-old stepdaughter 105 times over three years will have to serve out his sentence of a 42-year jail term and 24 whippings.

The man had initially been slapped with a 1,050-year jail sentence.

The Court of Appeal, in upholding the sentence imposed by the High Court on the 36-year-old man, also slammed him for his act.

"What kind of a father rapes his own daughter or stepdaughter? (Even) one time we cannot forgive, what more 105 times," said Justice Datuk Hadhariah Syed Ismail during the appeal proceedings, adding that the girl suffered 105 times.

"Fathers are supposed to protect their children and not hurt them," she said yesterday, adding that the court was more concerned with protecting young children and girls.

The three-member bench, which included Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim and Datuk Azmi Ariffin, was unanimous in dismissing the man's appeal against the jail sentence.

Justice Hadhariah said the court did a study which showed that such cases were on the rise, and was not convinced that the man was remorseful.

Earlier lawyer KA Ramu, representing the man, told the court that his client would be in prison until he was 63 (with a one-third remission), and urged the court to consider lowering his jail term to 30 years.

He also told the court his client was remorseful and wanted to return to society.

Deputy public prosecutor Dhiya Syazwani Izyan Mohd Tahir, who described the appellant as "a sick man", said the 42-year jail term was appropriate.

She said the appellant committed the offences when the girl's mother was at work.

On Jan 27, 2021, the Klang Sessions Court sentenced the man to 1,050 years in jail after he pleaded guilty to 105 charges of raping the girl at a house in Sungai Way, Petaling Jaya, Selangor. The girl was 12 in 2018.

He had raped the girl 58 times in 2018, 35 times in 2019 and 12 times in 2020, bringing the total number of charges to 105.

The Sessions Court also ordered the man to be given 24 strokes of the rotan.

On March 7 last year, the High Court in Klang reduced the sentence to 42 years and upheld the sentence of 24 strokes handed down by the Sessions Court.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'INSP SHEILA' IN COURT AGAIN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Insp Sheila' in court again

**KUALA LUMPUR:** A policewoman known as "Inspector Sheila" was charged again in the Magistrate's Court yesterday for causing a public nuisance by scolding, shouting and honking her car at a woman in a parking lot of a shopping mall in June.

Police inspector Sheila Sharon Steven Kumar, 35, pleaded not guilty to the charge.

She was charged with committing the offence against Nuraihan Nadzirah Ibrahim, 27, at a shopping centre in Brickfields on June 16.

The charge carries a maximum fine of RM400. The court allowed her bail of RM500 with one surety and set Dec 18 for mention.

On June 26 this year, Sheila was charged in the Selayang Magistrate's Court with insulting the modesty of two men and criminally intimidating an elderly woman. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | COURT UPHOLDS 42-YEAR JAIL TERM ON RAPIST STEPDAD | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Court upholds 42-year jail term on rapist stepdad

**PUTRAJAYA:** The Court of Appeal yesterday upheld a 42-year jail sentence imposed by the High Court on an unemployed man who raped his underage stepdaughter 105 times over three years.

The 36-year-old man was also ordered to be given 24 strokes of the rotan.

This followed a decision by a Court of Appeal three-man bench comprising Judges Datuk Hadhariah Syed Ismail, Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim and Datuk Azmi Ariffin, who dismissed the man's appeal against the jail sentence.

"What kind of a father (would) rape his own daughter or stepdaughter. (Even) one time we cannot forgive, what more 105 times," said Hadhariah during the appeal proceedings.

"Fathers are supposed to protect their children and not hurt them," she said, adding that the court is more concerned with protecting young children and young girls.

She said the court did a study which showed that such cases were on the rise and she was not convinced that the man was remorseful.

Earlier, lawyer K.A. Ramu, representing the man, told the court that his client would be in prison until he is 63 years old and urged the court to reconsider lowering his jail term to 30 years.

Deputy public prosecutor Dhiya Syazwani Izyan Mohd Tahir, who described the appellant as "a sick man", said the 42-year imprisonment is appropriate.

On Jan 27, 2021, the Klang Sessions Court sentenced the man to 1,050 years in jail after he pleaded guilty to 105 charges of raping the girl at a house in Sungai Way, Petaling Jaya, Selangor. The girl was 12 years old in 2018.

On March 7 last year, the High Court in Klang reduced the sentence to 42 years and upheld the sentence of 24 strokes handed down by the Sessions Court. He appealed to the Court of Appeal. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PRECIOUS GIFT FOR PENAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Precious gift for Penan

**Construction of kindergarten allows pre-schoolers of Long Jenalong uninterrupted access to early education**




Atika teaching her pupils basic living skills at the kindergarten's talent corner. – ***BERNAMAPIC***

**BARAM:** Tadika SeDidik, which operates from a single-storey concrete building, is situated at the Penan community settlement in Long Jenalong, about 200km from Miri town.

For the 154 Penan families in the far-flung settlement, early education is an entirely new experience.

Until three years ago, the nearest kindergarten for them is at Long Bedian, which is about half an hour away by foot during hot weather, but could stretch up to more than one hour when it rains as the pupils have to traverse a logging road, with no available transport.

However, the winds of change have blown across the Long Jenalong settlement since 2020 through a Petronas initiative in collaboration with the Sarawak state government, resulting in the construction of Tadika SeDidik under the Community Education Programme.

The kindergarten has brought significant changes to the rural community, especially in giving Penan pupils exposure to the 3M basic education skills (reading, writing and arithmatic) besides allowing them to interact with others before stepping into real school life.

Sharing her life story, Atika Fazila, a teacher at the kindergarten said: "My parents could not send me to the kindergarten in Long Bedian due to financial constraints and transport problem, and I only started learning the basic 3M when I was seven years old in Year One. I was forced to stay in the school hostel at a tender age.

"I struggled to grasp the lessons during my first year in school, having had no exposure to early education, and the medium of instruction was Malay, which is not our mother tongue."

Atika said it was during the period of utmost challenge that she strengthened her resolve for self-empowerment and to help improve the livelihood of her family and the Penan community.

"My own experience was the catalyst for change. I made up my mind to become an educator and teach Penan children so that they receive basic early education as this serves to prepare them for primary school. I know how difficult it is to go to school without the foundation of early childhood education."

Atika, who has been teaching Penan children at the kindergarten since 2020, is pursuing her Diploma in Early Childhood Education online at the Open University Malaysia, with her studies fully sponsored by the state government.

She also said it is crucial that she equips herself with various skills, knowledge in psychological aspects as well as the best teaching techniques to allow her to teach pre-schoolers on essential life skills and prepare them for school life.

Long Jenalong village chief Ugat Kong, 67, described the opening of Tadika SeDidik as a precious gift for the Penan community, as they are now able to send their children for early education.

"A one-way fare to Long Bedian is RM3 for adults and RM2 for children using a four-wheel drive. However, with no fixed income, we couldn't afford to send our children to the kindergarten daily (in the past).

"This was one of the reasons why many Penan children dropped out of school and could not complete their studies.

"Early education at the new kindergarten is free, as such we don't have to worry about fees. What's important is parents should realise the importance of sending their children for early education."

Tadika SeDidik is one of the five kindergartens built under Petronas's corporate social responsibility initiative in collaboration with the state government. The others are located in Kampung Long Kawa, Kampung Long Leng, Kampung Long Kerangan and Kampung Ba' Selulong. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INSPEKTOR SHEILA DIDAKWA LAGI ATAS TUDUHAN SEBABKAN KEGUSARAN AWAM DI PUSAT BELI-BELAH | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Inspektor Sheila didakwa lagi atas tuduhan sebabkan kegusaran awam di pusat beli-belah

**KUALA LUMPUR:** Seorang inspektor wanita dikenali sebagai 'Inspektor Sheila', didakwa lagi di Mahkamah Majistret di sini semalam atas pertuduhan menyebabkan kegusaran awam dengan memarahi, menjerit dan membunyikan hon kereta terhadap seorang wanita di tempat letak kereta di sebuah pusat beli-belah, Jun lepas.

Inspektor Sheila atau nama sebenarnya Sheila Sharon Steven Kumar, 35, selaku Orang Kena Saman (OKS) mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Majistret Illi Marisqa Khalizan.

Dia didakwa melakukan mudarat awam dengan memarahi dan membunyikan hon kereta yang panjang atau lama serta menjerit di tempat kejadian sehingga menyebabkan kegusaran awam terhadap Nuraihan Nadzirah Ibrahim, 27.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di tempat letak kereta sebuah pusat beli-belah di Brickfields di sini pada 5.26 petang, 16 Jun lepas, mengikut Seksyen 268 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 290 kanun sama yang membawa hukuman denda maksimum RM400, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Zuhairi Osman menawarkan jaminan RM1,000, namun peguam M. Manoharan mewakili Sheila memohon supaya anak guamnya dikenakan bon jaminan dengan alasan wanita itu akan hadir ke mahkamah pada setiap tarikh prosiding kes yang ditetapkan.

Manoharan berkata, anak guamnya sebelum ini telah didakwa di Mahkamah Majistret Selayang atas tiga pertuduhan dan mahkamah membenarkan jaminan berjumlah RM5,000.

"Oleh itu, saya mohon supaya OKS dilepaskan tanpa sebarang syarat serta diberikan bon jaminan. Pertuduhan hari ini (semalam) adalah tidak berasas dan sangat memalukan sedangkan dia telah berkhidmat sebagai pegawai polis lebih sembilan tahun dan seorang yang berdisiplin serta tegas," kata peguam itu.

Mahkamah membenarkan Sheila diikat jamin RM500 dengan seorang penjamin dan menetapkan 18 Disember ini untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen.

Pada 26 Jun lepas, Sheila mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Selayang atas tiga pertuduhan mengaibkan kehormatan seorang anggota polis berpangkat lans koperal dan seorang pemuda serta mengugut seorang wanita warga emas. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PUTUS CINTA, LELAKI DIDENDA RM4,000 GARA-GARA PECAHKAN CERMIN KERETA BEKAS KEKASIH | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Putus cinta, lelaki didenda RM4,000 gara-gara pecahkan cermin kereta bekas kekasih

**KUCHING:** Mahkamah Majistret disini semalam menjatuhkan hukuman denda RM4,000 atau penjara enam bulan ke atas seorang lelaki kerana memecahkan cermin kereta bekas teman wanitanya selepas putus cinta.

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali menjatuhkan hukuman itu terhadap Austin Morris, 30, dari Kampung Seratau, Batu 15, selepas dia mengaku bersalah terhadap pertuduhan di bawah Seksyen 427 Kanun Keseksaan.

Seksyen itu membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Austin melakukan kesalahan itu berhampiran lampu isyarat berhampiran Taman Sahabat, Jalan Song kira-kira jam 12.30 tengah hari pada 30 Oktober 2023.

Berdasarkan fakta kes, mangsa berusia 29 tahun berada di dalam keretanya di lampu isyarat tersebut ketika Austin menghampirinya lalu memecahkan cermin keretanya dengan tukul.

Austin juga cuba menarik rambut bekas teman wanitanya dan mengambil kunci kereta tetapi gagal.

Susulan kejadian itu, dia turut mengalami sedikit kecederaan di tangan kanannya akibat serpihan kaca cermin keretanya yang pecah.

Wanita itu kemudian membuat laporan polis yang membawa kepada penahanan Austin pada 3 November 2023.

Siasatan mendapati mangsa dan Austin sudah mengenali antara satu sama lain selama 12 tahun tetapi sudah putus cinta.

Walaupun mereka sudah putus cinta, Austin sering menyusahkan bekas kekasihnya dan dia tidak dapat menerima hakikat bahawa mangsa tidak mahu meneruskan hubungan mereka.

Pada hari kejadian, mangsa turut menyedari Austin mengekori dan cuba memberhentikan keretanya berhampiran CityOne Megamall sehingga ke lampu isyarat berhampiran Taman Sahabat.

Mangsa enggan bertemu Austin, menyebabkan dia bertindak balas dengan memecahkan cermin keretanya apabila keretanya akhirnya berhenti di lampu isyarat.

Austin juga berada di bawah pengaruh alkohol semasa kejadian itu.

Pendakwaan kes dikendalikan Inspektor Ammarsofi Yusoff, manakala Austin tidak diwakili peguam bela.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | REMAN WANITA BUNUH RAKAN KONGSI DISAMBUNG SEMINGGU | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Reman wanita bunuh rakan kongsi disambung seminggu

**KUALA TERENGGANU:** Perintah reman seorang wanita yang dipercayai membunuh seorang wanita warga emas yang juga rakan kongsi perniagaannya disambung seminggu lagi hingga 15 November ini.

Perkara itu diputuskan Majistret Noor Mazrinie Mahmood di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu di sini semalam, bagi membolehkan siasatan lanjut dibuat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan setelah tempoh reman selama seminggu yang ditetapkan sebelum ini tamat semalam.

Wanita berumur 35 tahun itu ditahan pada 1 November lepas setelah mayat mangsa dengan 15 kesan tikaman di badannya ditemukan pengawal keselamatan di dalam longkang di tepi jalan besar berhampiran Pejabat Agama Hulu Terengganu, Kuala Berang dekat sini pada 4.35 pagi.

Ketua Polis Terengganu Datuk Mazli Mazlan dilaporkan berkata siasatan awal mendapati mangsa yang berusia 65 tahun sebelum itu menaiki kenderaan jenis Honda Jazz bersama suspek untuk ke suatu lokasi sebelum berlaku pertengkaran antara mereka akibat rasa tidak puas hati berhubung pembahagian keuntungan perniagaan.

Mangsa kemudiannya dikatakan keluar dari kenderaan terbabit sebelum dilanggar suspek yang selepas itu bertindak menikamnya sebanyak 15 kali menggunakan sebilah pisau pemotong daging.

Susulan itu, polis telah menahan suspek dan suaminya di rumah mereka di Wakaf Tapai dekat Marang bagi membantu siasatan.

Bagaimanapun, suami suspek berumur 37 tahun dibebaskan dengan jaminan polis. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TADIKA SEDIDIK 'HADIAH SANGAT BERHARGA' UNTUK ANAK PENAN DI PEDALAMAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tadika SeDidik 'hadiah sangat berharga' untuk anak Penan di pedalaman

Oleh Zaphne Philip

**JARUM jam menunjukkan hampir 7.45 pagi dan Atika Fazila sudah berdiri di luar Tadika SeDidik Penan, menunggu kedatangan anak-anak muridnya sebelum kelas bermula jam 8 pagi dan berakhir sekitar 11 pagi.**

Dari Isnin hingga Jumaat, itulah rutinnya setiap pagi, meskipun ada ketika cuaca dingin menusuk tulang, bagi memastikan kesemua tujuh orang anak muridnya disambut dengan senyuman.

Perasaan gembira terpancar di wajah guru berusia 23 tahun ini apabila seorang demi seorang anak didiknya yang lengkap berpakaian seragam warna jingga dan putih, berusia antara empat hingga enam tahun, muncul di hadapan pintu tadika.

Tadika SeDidik Penan ini beroperasi di sebuah bangunan rumah batu setingkat, terletak di kawasan penempatan masyarakat Penan, Long Jenalong, kira-kira 200 kilometer dari bandar Miri ini.

"Selamat pagi cikgu," seorang demi seorang muridnya ceria menyapa, ada yang memeluk Atika, sebelum masing-masing mengambil tempat duduk, jelas menggambarkan jalinan mesra antara murid dan guru.

Suasana kelas yang sebelum ini agak sepi, berlatarkan bunyi kicauan unggas, bertukar riuh sejurus sebelum Atika meminta semua murid berdiri untuk sama-sama menyanyikan lagu kebangsaan, Negaraku.

"Beginilah rutin kami setiap hari, dipenuhi dengan pelbagai aktiviti pembelajaran yang dapat memberi keseronokan kepada anak-anak ini," kongsi Atika yang juga berketurunan suku kaum Penan, dilahir dan dibesarkan di kampung Long Jenalong.

Riuh-rendah suara anak-anak ini memenuhi ruang kelas ketika bermain alat mewarna untuk melukis apa sahaja yang disukai, menyanyi lagu-lagu rakyat kanak-kanak seperti Bangun Pagi, Rumah Kecil Saya, mencipta produk dengan barangan terpakai dan bermain permainan congkak.

Sepanjang empat jam berada di dalam kelas, tiada seorang pun yang merengek untuk balik awal mahupun menangis kerana ketiadaan ibu ayah menemani di luar tadika.

"Selain dipenuhi pelbagai aktiviti, dinding tadika ini juga dihiasi dengan hasil kerja anak-anak ini bagi membangkitkan keseronokan mereka belajar. Mereka nampaknya seronok selain mula belajar erti berkawan," tambahnya kepada Bernama.

Mungkin suasana ini hanyalah situasi biasa bagi mereka yang berada dalam penempatan yang sudah mempunyai kemudahan pendidikan awal, namun tidak bagi kawasan pedalaman Miri yang menjadi penempatan masyarakat Penan ini.

Pendidikan awal adalah asas penting dalam perkembangan serta pembangunan kanak-kanak, namun hakikatnya begitu asing dalam kehidupan masyarakat di Long Jenalong yang mempunyai seramai 154 penduduk.

Ini kerana, sebelum ini, kanak-kanak di kawasan pedalaman itu tidak berpeluang untuk mendapat pendidikan awal di tadika memandangkan perkampungan mereka tidak mempunyai kemudahan tersebut dan hanya mengenal erti 3M (membaca, menulis dan mengira) bermula Tahun Satu.

Paling dekat tadika dengan perkampungan mereka adalah di Long Bedian yang turut menempatkan sekolah rendah dengan perjalanan mengambil masa lebih kurang 30 minit sekiranya cuaca panas dan akan menjadi lebih daripada satu jam sekiranya hari hujan berikutan jalan balak selain tidak mempunyai pengangkutan.

Biarpun begitu, keadaan mula berubah sejak tahun 2020 menerusi inisiatif yang digerakkan Petroliam Nasional Berhad (Petronas) bersama Jawatankuasa Kerja Bersama Sarawak (Petronas-Sarawak JWC) dengan pembinaan Tadika SeDidik melalui Program Pendidikan Komuniti (Penan).

Menurut Atika, pembukaan tadika itu membawa perubahan besar buat anak-anak di kawasan pedalaman untuk mendapat pendedahan awal 3M disamping menikmati kehidupan berkawan sebelum memasuki alam persekolahan sebenar.

Dia sendiri yang tidak berpeluang menerima pendidikan prasekolah memahami kepentingan pendidikan awal dan kerana itu memilih kerjaya sebagai guru tadika di kampung kelahirannya kerana ingin memajukan serta mendidik anak bangsanya itu bermula daripada peringkat awal lagi.

"Keluarga tidak dapat menghantar saya ke tadika di Long Bedian kerana masalah kewangan, pengangkutan dan hanya mengenali 3M apabila berumur tujuh tahun semasa di Tahun Satu dan terpaksa tinggal di asrama dalam usia yang terlalu muda.

"Pembelajaran agak susah kerana tidak mendapat pendidikan awal dan bahasa Melayu bukanlah percakapan harian kami. Kerana pengalaman itu, saya nekad ingin menjadi guru tadika untuk mengajar anak-anak Penan supaya mereka mempunyai asas pendidikan sebelum ke sekolah rendah kerana tahu bagaimana sukarnya apabila tiada persediaan," katanya.



HADIAH BERHARGA: Kanak-kanak bersama guru mereka di Tadika SeDidik Penan yang terletak di kawasan penempatan masyarakat Penan, Long Jenalong. — Gambar Bernama

Atika yang mengajar di tadika berkenaan sejak tahun 2020 kini mengikuti pengajian Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak secara dalam talian di Universiti Terbuka Malaysia (OUM) dengan pembiayaan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan Sarawak.

Ini kerana dia melihat pentingnya melengkapkan dirinya dengan pelbagai kemahiran, pengetahuan, psikologi mahupun teknik pengajaran terbaik untuk kanak-kanak prasekolah iaitu antara peringkat penting untuk mereka mengenali asas kehidupan dan alam persekolahan.

## BUKAN MUDAH

Sememangnya bukan mudah mengendalikan kanak-kanak di peringkat awal usia untuk mengenali dan menyukai alam persekolahan, apatah lagi apabila terpaksa berenggang sementara dengan ibu bapa yang selama ini sentiasa berada di sisi.

Untuk itu, pelbagai pendekatan perlu dilakukan bagi menarik minat anak-anak Penan supaya berasa seronok belajar selain memastikan kehadiran murid sentiasa penuh.

Usaha ini ternyata berhasil setakat ini apabila kanak-kanak ini bukan sahaja bertambah semangat bahkan ibu bapa juga sudah tidak menunggu di luar kelas.

Atika bersama guru yang lain juga memastikan mereka mengajar mengikut kemampuan usia anak-anak ini berdasarkan silibus tertentu dan tidak memaksa kanak-kanak ini untuk belajar sepanjang masa kerana ada antaranya yang suka melukis daripada mengenal huruf dan ada yang mengalami masalah pembelajaran.

"Walaupun tadika ini hanya mempunyai tujuh anak murid tetapi cabarannya tetap terasa dan kerana itu silibus pembelajaran perlu ikut usia. Saya cuba mengenal pasti kelebihan serta kekurangan mereka kerana ingin berikan yang terbaik buat anak-anak ini.

"Mereka sering berasa takut kerana satu, bahasa Melayu bukan bahasa percakapan harian mereka. Namun, dengan pendekatan yang sesuai kini boleh membantu kanak-kanak ini untuk membina keyakinan diri dan memupuk minat untuk belajar," katanya yang sudah tiga tahun mengajar di tadika itu.

Biarpun berhadapan dengan pelbagai rintangan, Atika berkata, ibu bapa di kawasan pedalaman ini mempunyai kemahuan yang tinggi untuk melihat anak mereka berjaya dan kerana itu tidak kisah untuk meredah perjalanan yang jauh untuk menghantar ke sekolah.

Kemudahan asrama banyak membantu ibu bapa kawasan pedalaman untuk memastikan anak mereka mendapat pendidikan di sekolah rendah di Long Bedian dan sekolah menengah di Long Lama.

"Tadika di Long Bedian tidak ada asrama dan disebabkan itu ramai ibu bapa di sini tidak dapat menghantar anak mereka untuk pendidikan awal. Sementara sekolah menengah terdekat terletak di Long Lama yang mengambil masa dua jam sekiranya cuaca baik.

"Namun, perjalanan menjadi agak sukar dan mengambil masa lebih lama sekiranya hari hujan kerana jalan balak menjadi licin tetapi itulah antara dugaan yang perlu kami tempuhi untuk mendapatkan pendidikan, bagaimanapun itu langsung tidak mematahkan semangat juang orang di sini," katanya.

## 'HADIAH SANGAT BERHARGA'

Tidak hanya Atika bahkan keterujaan untuk melihat perubahan besar anak-anak pedalaman ini menerusi pendidikan awal turut dikongsikan guru pembantu di tadika itu, Norita Simon, 32, yang komited mendidik anak bangsanya biarpun pernah mengalami kemalangan ketika perjalanan ke tempat kerja.

Dia yang ketika itu membonceng motosikal bapanya terpaksa meredah hujan awal pagi kerana tidak mahu lambat sampai ke tadika untuk memulakan rutin hariannya demi anak-anak pedalaman tersebut.

Kemalangan itu hanya menyebabkan dia mengalami kecederaan kecil sementara pakaian kerjanya basah lencun dan kotor dengan warna lumpur semasa meredah hujan lebat, namun itu tidak menghalang wanita ini untuk tetap ke tadika pada hari berkenaan.

"Walaupun perjalanan dari kampung saya di Long Latie menggunakan motosikal hanya mengambil masa 15 minit, namun apabila hujan lebat, jalan balak akan jadi berlumpur dan sukar dilalui. Syukur hanya kemalangan kecil dan hujan bukan alasan untuk tidak hadir bekerja.

"Kita mempunyai tanggungjawab besar untuk dilaksanakan. Bak kata pepatah 'ala bisa tegal biasa' begitulah kehidupan kami yang hanya mampu bermotosikal untuk sampai ke destinasi yang ingin dituju," katanya yang begitu suka dengan kanak-kanak dan menyifatkan tugas sebagai pembantu guru adalah sesuai dengan jiwanya.

Sementara itu, ketua kampung Long Jenalong Ugat Kong, 67, menyifatkan pembukaan Tadika SeDidik Penan sebagai 'hadiah sangat berharga' dan memberikan kelegaan kepada penduduk Penan dan sekitarnya untuk menghantar anak mereka ke tadika bagi mendapatkan pendidikan awal.





Tidak mempunyai pendapatan tetap kerana hanya bergantung hasil tani, penduduk di perkampungan yang mula dibina sekitar tahun 1999 itu tidak mampu menghantar anak mereka ke tadika di Long Bedian kerana berhadapan masalah kewangan dan pengangkutan.

Malah, faktor tersebut juga menyebabkan ramai anak Penan tercicir dan tidak dapat menamatkan persekolahan mereka walaupun disediakan asrama.

"Tambang sehala untuk dewasa adalah RM3 manakala kanak-kanak RM2 ke Long Bedian menggunakan kenderaan pacuan empat roda namun dengan pendapatan yang tidak tetap kami tidak mampu untuk menghantar anak-anak ke tadika setiap hari.

"Itu antara faktor kenapa ramai anak Penan tercicir dan tidak dapat menamatkan persekolahan mereka. Pendidikan awal kanak-kanak di tadika ini adalah percuma, jadi kami tidak perlu risau tentang bayarannya, yang penting ibu bapa harus sedar kepentingan menghantar anak untuk mendapatan pendidikan awal," kata Ugat dengan penuh kesyukuran.

## INISIATIF PETRONAS-SARAWAK

Tadika SeDidik Long Jenalong adalah satu daripada lima tadika yang dibina di bawah inisiatif Petronas dengan Jawatankuasa Kerja Bersama Sarawak (Petronas-Sarawak JWC).

Empat lagi tadika yang dibina terletak di Kampung Long Kawa, Kampung Long Leng, Kampung Long Kerangan dan Kampung Ba' Selulong.

Kelima-lima tadika itu siap dibangunkan dalam tempoh lima tahun bermula tahun 2016 dengan melibatkan kos sebanyak RM2.75 juta.

Sebelum ini, Tadika SeDidik yang dikenali sebagai Program Pendidikan Komuniti (Penan) kawasan Apoh/ Tutoh tajaan Petronas adalah program berasaskan komuniti iaitu pengasuhan, bimbingan dan pendidikan yang memberi keutaman kepada penglibatan dan penyertaan komuniti setempat.

Pada Julai 2020, tadika itu diambil alih dan ditadbir urus oleh Sedidik Sdn Bhd selaras dengan pengambilalihan SeDidik oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak dan dirasmikan oleh Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg pada Julai tahun ini (2023).

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Sri Fatimah Abdullah dipetik berkata, kerajaan Sarawak di bawah inisiatif SeDidik memberi tumpuan kepada akses, ekuiti dan kualiti dalam pendidikan prasekolah.

Sarawak ketika ini mempunyai 152 pendidik dengan 112 orang daripadanya memiliki ijazah dan diploma dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak sementara 40 orang lagi sedang dalam pengajian. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA PARAH LORI BAWA MUATAN BESI TERBABAS | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 NOV 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita parah lori bawa muatan besi terbabas

**TUARAN:** Seorang wanita mengalami kecederaan parah selepas lori yang dinaiki mangsa terbabas di Jalan Kampung Koporingan Tamparuli dekat sini.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah berkata, kejadian kira-kira jam 3.40 petang itu membabitkan sebuah lori yang membawa muatan besi serta pelbagai barangan lain.

"Pasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tuaran yang tiba di lokasi segera menjalankan operasi mengeluarkan mangsa dari kenderaan berkenaan.

"Dua mangsa mengalami kecederaan termasuk lelaki berumur 34 tahun yang cedera di bahagian tangan dan kaki serta seorang wanita mengalami kecederaan parah diberikan rawatan awal oleh Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) di lokasi.

"Mangsa dihantar ke hospital untuk mendapatkan rawatan lanjut manakala pasukan bomba menjalankan operasi membersihkan kawasan kemalangan serta memastikan tiada unsur bahaya lain di lokasi," katanya.

Tambahnya, operasi keseluruhan ditamatkan pada jam 4.44 petang.



**TERBABAS: Pasukan bomba menjalankan operasi mengeluarkan mangsa dari lori yang terbabas.**

Sementara itu dalam kejadian berasingan, dua lagi individu mengalami kecederaan selepas kenderaan pacuan empat roda yang dinaiki terbabas berhampiran sebuah kilang di Keningau.

"Sepasukan pegawai dari BBP Keningau digerakkan ke lokasi sejauh 17 kilometer bagi menjalankan operasi menyelamat sebaik menerima panggilan kecemasan jam 4.44 petang.

"Kejadian membabitkan kenderaan pacuan empat roda yang terbabas di tepi jalan dan dua mangsa lelaki masing-masing berumur 21 dan 26 tahun diberikan rawatan awal oleh EMRS di lokasi.

"Mangsa kemudian dihantar ke hospital menaiki ambulans bagi mendapatkan rawatan selanjutnya," katanya sambil menambah operasi keseluruhan ditamatkan jam 5.15 petang.